

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"TIDAK diragukan lagi, perhubungan yang sihat, berkat dan selamat akan membawa kepada kejayaan dan kesejahteraan. Namun begitu, perlu juga diingat, bahawa ledakan teknologi kini tidak kurang membawa kepelbagaian gaya hidup di kalangan masyarakat sejagat. Ada yang baik dan ada juga yang buruk. Kerana itu, semuanya mesti dilihat dan dikendalikan dengan bijaksana."

- Titah Perasmian Majlis Ilmu 2016
Sempena Ulang Tahun
Hari Keputeraan Baginda Ke-70 Tahun
pada 23 Ogos 2016M /
20 Zulkaedah 1437H.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu ialah suatu perbuatan yang keji dan jalan yang buruk."
- Firman Allah
Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Israa', ayat 32.

Waktu Sembahyang

IMSAK

4.36

SUBUH

4.46

SYURUK

6.05

DUHA

6.28

ZUHUR

12.05

ASAR

3.25

MAGHRIB

6.03

ISYAK

7.14

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 129

27 OKTOBER 2018 / 1440 صفر 18

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Berkenan berangkat ke Majlis Mengangkat Sumpah

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Ampuan Haji Mahmud Ampuan
Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Mengangkat Sumpah bagi pelantikan Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Di-Pertua Mahkamah Rayuan, Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi yang baharu.

Turut berangkat ialah paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Ke muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyerahkan Surat Perintah Lantikan kepada Yang Arif Michael Peter Burrell sebagai Yang Di-Pertua Mahkamah Rayuan pada Majlis Mengangkat Sumpah bagi pelantikan Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Di-Pertua Mahkamah Rayuan, Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi yang baharu. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.



Kualiti pendidikan IBTE terus diperkukuh

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Oktober. - Senario dunia hari ini menuntut institusi-institusi pendidikan untuk sentiasa responsif dan progresif agar dapat bersaing di peringkat global.

Oleh itu, pihak institusi-institusi pendidikan kerajaan dan swasta di negara ini adalah disarankan agar dapat merencana inisiatif-inisiatif dalam usaha meningkatkan kadar pekerjaan dan kadar kepuasan majikan bagi graduan

masing-masing.

"Usaha sedemikian diharap akan dapat dijadikan sebagai salah satu mekanisma maklum balas untuk memastikan pihak yang berkepentingan akan sentiasa mendapat perkhidmatan pendidikan yang benar-benar berkualiti, dan yang diperlukan," jelas Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman semasa berucap pada Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan

Teknikal Brunei (IBTE) Kali Ke-26 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas di sini.

Sepertimana yang kita maklumi tambah Yang Berhormat, salah satu isu hangat yang dibincangkan pada masa ini ialah mengenai dengan Revolusi Industri 4.0 atau Fourth Industrial Revolution.

Menurut laporan 'The Future of Jobs Report' yang dikeluarkan oleh World Economic Forum pada tahun 2016, sebanyak 65 peratus daripada kanak-kanak yang memasuki sekolah rendah pada hari ini akan bekerja di dalam bidang pekerjaan baharu yang masih belum wujud sekarang.

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam

infodept.bn

infodept_bn

Yang Berhormat menjelaskan, Revolusi Industri 4.0 ini sudah setentunya akan memberikan pelbagai impak serta cabaran kepada semua sektor di negara ini, justeru memerlukan kita membuat perubahan yang bijak agar kekal berdaya saing khususnya dalam menambah baik kualiti tenaga kerja dan pembangunan ekonomi negara.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat menekankan institusi-institusi pendidikan kerajaan dan swasta di negara ini perlu peka dan sentiasa bersiap sedia menghadapi arus perubahan

yang dibawa oleh Revolusi Industri 4.0 ini.

"Pendidikan teknikal dan latihan vokasional yang berkualiti setentunya akan dapat memastikan kurikulum dan program yang ditawarkan adalah relevan dan sesuai dengan perkembangan ekonomi dan industri yang sentiasa berubah. Tenaga pengajarnya juga perlu sentiasa memiliki kepakaran dan kemahiran yang terkini dan boleh disesuaikan mengikut keperluan industri," terang Yang Berhormat.

Ke muka 10

Program Harapan bantu tingkatkan potensi pelajar

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

MENGADAP ke hadapan majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ampun beribu ampun, Dengan penuh hormat dan takzim Hamba Kebawah Duli Tuan Patik mewakili Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Guru Ke-28 Tahun 2018 dan semua warga guru sukacita merafakkan sembah dan dengan penuh kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala menjunjung kasih di atas limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Tuan Patik berangkat bercemar duli ke Majlis Sambutan Hari Guru Ke-28, Tahun 2018 pada pagi ini dan seterusnya mengurniakan titah menyempurnakan pengurniaan Anugerah-Anugerah Hari Guru serta berangkat untuk menyaksikan pameran dan seterusnya berkenan pula menerima junjung ziarah dari para guru.

Keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ini amat tinggi nilainya kepada warga guru yang setentunya menjadi ristaan dan menjadi motivasi kepada guru untuk terus meningkatkan lagi usaha dan bekerja dengan lebih gigih ke arah menyumbang kepada perkembangan pendidikan di negara ini.

Ampun beribu ampun, Disambahkan bahawa tema Majlis Sambutan Hari Guru pada tahun ini ialah 'Guru Dedikasi Pendidikan Cemerlang'. Guru dedikasi membawa maksud guru yang reda dan ikhlas berkorban dari segi masa, tenaga, fikiran dan harta benda demi pembangunan anak bangsanya. Mereka sentiasa tekun dan bersungguh-sungguh dalam menguasai pengetahuan subjek, melaksanakan strategi pengajaran dan pembelajaran dengan gigih lagi titih serta berkemampuan dalam menerapkan pelbagai jenis kemahiran dan nilai hidup.

Kemajuan sesebuah bangsa itu adalah bergantung kepada pendidikannya. Cemerlang pendidikan maka cemerlanglah bangsanya. Semua ini menghendaki guru yang cemerlang lagi dedikasi semata-mata untuk melahirkan generasi yang mempunyai keutuhan dan jati diri yang tinggi sebaya dengan kemajuan yang mengiringi. Kesedaran akan mustahaknya untuk membangunkan generasi yang mampu menghadapi apa jua cabaran yang



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman dalam sembah alu-aluan pada Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-28 Bagi Tahun 1440 Hijrah / 2018 Masihi pada Isnin, 14 Muharam 1440 Hijrah bersamaan 24 September 2018 Masihi di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

dilontarkan zaman perlu ada di dalam jiwa setiap guru apatah lagi dalam sama-sama mendukung hasrat Wawasan Brunei 2035 untuk mempunyai generasi yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, kukuh ugama lagi berakhlak mulia.

Ampun beribu ampun, Alhamdulillah, ke arah memantapkan lagi kecemerlangan dan kebijakan guru di negara ini, beberapa inisiatif telah dan sedang giat diungkapkan oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama khususnya dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Melalui Program Bimbingan Literasi dan Numerasi (Literacy And Numeracy Coaching Programme - LNCP), sukacita Hamba Kebawah Duli Tuan Patik sembahkan bahawa seramai 140 orang guru tempatan bahasa Inggeris dan Matematik telah menerima pengiktirafan sebagai Accredited Local Coaches dan pada masa ini sedang mengikuti Coaching Model Training bagi mencapai peringkat pakar (*specialist level*).

Sementara itu, melalui Program Pengambilan Guru Tempatan Berkontrak (Local Contract Teacher - LCT), sukacita

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik sembahkan bahawa seramai 101 orang graduan tempatan yang berkelayakan telah berjaya diambil sebagai guru tempatan berkontrak dan diaturnya untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik di beberapa buah sekolah rendah dan menengah kerajaan awal tahun ini.

Ini adalah merupakan rancangan jangka panjang Kementerian Pendidikan untuk mengambil lebih ramai lagi guru-guru tempatan berkualiti. Mereka ini diberikan sokongan dan bantuan secara berterusan dengan mengikuti pelbagai program perkembangan profesional yang dikendalikan oleh pihak LNCP, Akademi Guru Brunei Darussalam (BDTA) dan jabatan-jabatan yang berkenaan di Kementerian Pendidikan.

Ke arah usaha berterusan Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan numerasi dan literasi para pelajar di negara ini agar mereka sebanding dengan tahap yang ada di peringkat antarabangsa dan berdasarkan Piawain Literasi dan Numerasi Kebangsaan (Brunei Darussalam Literacy and Numeracy National Standard - BDLNNS), guru-guru kini boleh mengukur tahap pencapaian setiap pelajar dari segi tahap membaca, menulis, mendengar, bertutur dan numerasi melalui instrumen penilaian Student Assessment Tracker (SAT). Keputusan penilaian SAT ini adalah berguna bagi guru-guru untuk tujuan intervensi dalam membimbing setiap pelajar untuk mencapai ke tahap yang disasarkan.

Ampun beribu ampun, Dalam memastikan pembangunan pendidikan para pelajar adalah holistik dan seimbang, baik dari aspek akademik mahupun sahsiah diri mereka; aspek kemahiran, nilai dan kemaslahatan para pelajar juga dititikberatkan oleh setiap guru.

Sehubungan dengan itu, hasil keprihatinan dan maklum balas dari guru-guru, dan atas perkenan Kebawah Duli Tuan Patik, satu inisiatif yang dinamakan Program Harapan telah mula dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan. Program ini adalah bertujuan untuk membantu para pelajar di sekolah-sekolah yang tertentu meningkatkan potensi mereka secara maksima dengan memfokuskan kepada Kesediaan Sekolah dan Kesediaan Pelajar.

Dalam Program Harapan ini, satu Program Pemakanan telah dimulakan pada pertengahan tahun ini, yang berbentuk penyediaan sarapan pagi untuk semua pelajar dan makan tengah hari untuk pelajar yang mempunyai kelas tambahan pada waktu petang.

Ke muka 11

Dari Sidang
Pengarang.

27 OKTOBER 2018 BERSAMAAN 1440 18 صفر

BELIA PERLU POSITIF, TERUS BERSEMANGAT

BELIA merupakan aset negara, tulang belakang kemajuan dan pembangunan sesebuah negara, selain itu belia juga merupakan bakal pemimpin pada masa hadapan yang penentu hala tuju Wawasan Negara 2035 kini dan penentu masa hadapan negara kelak.

Dalam pada itu, dalam mempersiapkan para belia dengan kemajuan masa depan, pastinya para belia sendiri perlu berusaha mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu, pengetahuan dan pengalaman sama ada duniawi mahupun ukhrawi.

Pada zaman teknologi yang pesat kini, pastinya setiap belia perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan mengenai penggunaan teknologi berkenaan walau pun tidak banyak sekurang-kurangnya boleh mengendalikan dan menggunakannya dalam tahap yang baik.

Di samping itu, memandangkan negara kini berhasrat kepada para belia yang mampu menjadi usahawan muda yang berjaya, maka para belia pada dasarnya perlu melekapkan diri dengan pengetahuan yang berkaitan dengan perusahaan dan belajar daripada pengalaman para pengusaha berjaya yang ada kini.

Pastinya ilmu mengenai usahawan tidak akan diperoleh melalui teori sahaja, tetapi juga melalui pengalaman dan praktikal dalam suasana yang sebenar. Untuk memperoleh pengetahuan, pengalaman juga ilmu mengenai keusahawanan memerlukan masa dan tidak akan datang bergolek dalam sekelip mata.

Para belia kita kini sememangnya sudah ada yang berjaya dalam perusahaan yang dijalankan, sudah pastinya banyak waktu, wang mahupun tenaga telah dikorbankan hingga mencapai kejayaan yang perolehi kini.

Begitu juga kepada para belia lain, hendak seribu daya tidak hendak seribu dalih. Bukan mudah untuk memulakan sesuatu daripada kosong, namun tidak bermakna para belia tidak boleh melakukannya. Tidak ada salah untuk mencuba sesuatu yang baharu. Jika memang sudah memiliki minat pada sesuatu bidang, maka teruskanlah usaha biskita.

Jangan mudah mengalah pada komen orang yang terkadang belum tahu telus pada usaha kita, pelajari sesuatu daripada kesilapan kita, majukan diri kita berbekalkan pengalaman yang ada. Yakinlah bahawa Allah tidak akan menguji kita melebihi kemampuan kita.

Yang penting dalam hal ini, keberanian dan keyakinan kita pada usaha kita. Allah juga tidak akan merubah nasib sesebuah kaum, melainkan mereka berusaha untuk mengubahnya. Berusahalah melakukan dan memberikan yang terbaik, jangan mudah berpaling jika kita gagal dalam percubaan pertama.

Sekali gagal tidak bermakna kita gagal selama-lamanya. Yang penting usaha kita perlu disertakan doa restu juga doa kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Teruskan berusaha, insyaaAllah jika masih belum menemukan titik kejayaan mungkin Allah masih menduga kita untuk terus bersabar dan terus berusaha. InsyaaAllah segala musibah atau dugaan itu pasti ada hikmah di sebalikinya.

Mungkin belum tiba bagi doa kita dikabulkan, tetapi ia tidak bermakna kita harus berhenti dan berputus asa begitu sahaja. Di mana ada kemahuan, insyaaAllah di sana pasti ada jalan. Bangkit dan cuba betulkan niat kita, insyaaAllah usaha yang ikhlas dan jujur pasti akan mendapat balasan yang setimpal.

Jangan dengar kata-kata negatif daripada orang sekeliling kita yang memang negatif, kerana dalam diam-diam dan secara perlahan ia akan mampu melemahkan semangat kita dan seterusnya membantutkan usaha kita. Itulah yang mereka mahu, iaitu kemunduran kita.

Berfikirilah secara positif, bersemangatlah, berusahalah, berdoalah dan berusahalah. Jangan mudah putus asa wahai belia bangsaku, sesungguhnya peluang bagi mu masih terbuka luas, gagal sekali jangan sangka akan gagal selamanya, di mana ada kemahuan di situ pasti ada jalannya.

Belia perlu kuat, positif pada tentangan dan dugaan, jangan mudah megalah dan meluat, tidak akan datang bergolek segala kejayaan dan kebahagiaan, semuanya perlu kegigihan, kekuatan juga usaha berkat, berkat diperoleh daripada doa restu ibu bapa yang sememangnya jangan ditinggalkan mahupun diabaikan. - **Ketua Penyuntingan (Nb).**

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN 32 25 °C	32 25 °C	32 26 °C
PEKAN BANGAR 32 24 °C	32 24 °C	32 26 °C
PEKAN TUTONG 31 25 °C	32 25 °C	32 26 °C
KUALA BELAIT 32 25 °C	32 25 °C	32 26 °C

Wallahualam Bissawah
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi OKTOBER	HARI	Hijrah SAFAR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
27	SABTU	18	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14
28	AHAD	19	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14
29	ISNIN	20	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.13
30	SELASA	21	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.13
31	RABU	22	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.02	7.13
1	KHAMIS	23	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.02	7.13
2 NOVEMBER	JUMAAT	24	4.36	4.46	6.06	6.28	12.05	3.25	6.02	7.13

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN | **AMBULANS 991** | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Berkenan berangkat ke Majlis Mengangkat Sumpah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Mengangkat Sumpah bagi pelantikan Ketua Hakim Negara, Yang Di-Pertua Mahkamah Rayuan, Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Besar yang baharu.

Dari muka 1

Majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman itu telah dimulakan dengan pembacaan Surat Perintah Lantikan oleh Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam

Istana, Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar. Mula-mula mengangkat sumpah ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah Yang Amat Arif Dato Paduka Steven Chong Wan Oon sebagai Ketua Hakim Mahkamah Besar dan kemudiannya

disusuli oleh Yang Arif Michael Peter Burrell sebagai Yang Di-Pertua Mahkamah Rayuan; Yang Arif Michael Victor Lunn sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Rayuan dan Yang Arif Pengiran Datin Paduka Hajah Rostaina binti Pengiran Haji Duraman sebagai Hakim Mahkamah

Tinggi. Turut hadir ialah Penasihat Khas Kebawah DYMM dan Menteri di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim; Peguam Negara,

Yang Berhormat Dato Paduka Haji Hairol Arni bin Haji Abdul Majid; Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Rayuan, Yang Arif Conrad Seagrott dan Ketua Pendaftar Mahkamah Besar, Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyerahkan Surat Perintah Lantikan kepada Yang Amat Arif Dato Paduka Steven Chong Wan Oon sebagai Ketua Hakim Mahkamah Besar (kiri); Yang Arif Michael Victor Lunn sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Rayuan (tengah) dan Yang Arif Pengiran Datin Paduka Hajah Rostaina binti Pengiran Haji Duraman sebagai Hakim Mahkamah Tinggi (kanan). Sementara gambar bawah suasana sebelum Majlis Mengangkat Sumpah berlangsung.



Berangkat menziarahi jenazah Allahyarham YDM POKSRDSP Awang Haji Ali



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersama-sama menunaikan Sembahyang Jenazah Berjemaah.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Duli Yang Maha Mulia Paduka Khamis, 25 Oktober. - Kebawah Seri Baginda Sultan Haji



Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Ali bin Haji Mohd. Daud di Kampung Serusop.

Berangkat sama, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Allahyarham telah kembali ke rahmatullah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) pada Rabu, 24 Oktober 2018, jam 7.45 malam ketika berusia 82 tahun.

Kebawah DYMM juga

menyertai solat jenazah yang diimamkan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Allahyarham merupakan Ahli Majlis Mesyuarat Ugama Islam; Ahli Jawatankuasa Kehakiman; Ahli Jawatankuasa Rancangan Kemajuan (RKN); Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Perdana Ketua-ketua Kerajaan dan Ketua-ketua Negara ke Negara Brunei Darussalam; Chief de Mission bagi rombongan Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Tenggara Ke-14 di Jakarta, Indonesia pada tahun 1987; Pengarah Eksekutif Bank Islam Brunei Berhad; Pengarah Takaful IBB Berhad; Pengarah IBB Transport Sdn. Bhd.; Pengarah Saujana Sdn. Bhd. dan lain-lain lagi.

Yang Dimuliakan Pehin mula berkhidmat dengan Kerajaan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Ali bin Haji Mohd. Daud (atas kiri dan kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah DYMM dan paduka anakanda baginda sama-sama menadah tangan ketika doa dibacakan.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 27 Januari 1958 dan telah dinaikkan pangkat ke beberapa jawatan antaranya adalah Penolong Penasihat Undang-Undang Brunei; Timbalan Pendakwa Raya; Pengadil Kelas Satu; Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah-Mahkamah Tinggi (Acting Chief Register); Pegawai Pentadbir Kanan; Pengawal Imigresen dan Pendaftaran Taraf Kebangsaan; Pembantu dan Penolong kepada Pehin Orang Kaya Datu Patinggi Maha Kurnia Diraja Dato Seri Utama Sir Dennis White di London, England; Pemangku Timbalan Ketua Jabatan Perkhidmatan Diplomatik; Pemangku Pengarah Biro Mencegah Rasuah; Penasihat Biro Mencegah Rasuah; Pegawai Kanan di Jabatan Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 21 Oktober 1986 dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri pada 1 Januari 1989 sehingga 24 Mei 2005.

Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, beliau telah disampiri gelaran Manteri 32, iaitu 'Pehin Orang Kaya Setia Raja' pada 21 Mei 1996.

Semasa hayatnya, YDM Pehin telah dikurniakan dengan beberapa Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan iaitu antaranya Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama (Dato Seri Paduka) - S.P.M.B.; Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (Dato Paduka) - D.P.M.B.; Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga - S.L.J.; Pingat Jasa Kebaktian - P.J.K.; Pingat Kerja Lama P.K.L.; Pingat Pengisytiharan Kemerdekaan dan Order of Merit (First Class Egypt).

Allahyarham meninggalkan dua orang anak, empat orang cucu dan jenazah Allahyarham dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

60 usahawan belia sertai Festival Hari Belia 2018



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong merasmikan Festival Hari Belia 2018 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Berakas (kiri), sementara gambar kanan dan bawah kiri, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri seterusnya berkunjung ke petak-petak jualan dan beramah mesra bersama para usahawan belia yang ikut serta pada Festival Hari Belia 2018.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, usahawan - usahawan
Jumaat, 26 Oktober. - Lebih 60 AkuManang.com menawarkan
usahawan belia Brunei termasuk produk masing-masing pada



Festival Hari Belia 2018 yang bermula hari ini hingga 28 Oktober 2018.

Festival Hari Belia 2018 yang diadakan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah itu juga menawarkan para pengunjung dengan pelbagai aktiviti menarik di sepanjang tiga hari ia diadakan, antaranya aktiviti memanah, menunggang kuda, Pertandingan Kisah Sejarah dan Tauladan Islam, Peraduan Menambing Syair Belia dan Pertandingan Nasyid Era 90-an.

Perasmiaannya disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Pengasas Battle Pro Marketing and Management Services (Battle Pro MMS), Awang Haji Syed Mohd. Yassin bin Haji Syed Anyatullah Shah dalam ucapan alu-aluannya berkata, festival tersebut merupakan inisiatif Battle Pro MMS semenjak tahun 2014, iaitu bersempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan yang disambut setiap 1 Ogos.

Festival itu juga jelasnya, bukan sahaja menjadi platform untuk para belia menceburi diri dalam bidang keusahawanan sekali gus sebagai bukti bahawa mereka menyambut baik hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menyeru agar para belia untuk menceburi bidang keusahawanan dan mengurangkan bergantung kepada pihak kerajaan.

Selain itu tambahnya, festival tersebut juga mengumpulkan para belia untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang diunggakahkan, sama ada anjuran daripada persatuan-persatuan belia, kelab-kelab mahupun syarikat-syarikat belia, yang mana dapat mendedahkan para belia kepada perkara-perkara yang lebih bermanfaat dan positif.

"Namun semua ini adalah mustahil tanpa melibatkan agensi-agensi kerajaan, khususnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang menyediakan sokongan, prasarana dan khidmat nasihat kerana sesungguhnya

Festival Hari Belia ini adalah acara *non-profit* dan diinisiatifkan atas dasar patriotisme," ujarnya lagi.

Sejurus perasmian, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri seterusnya berkunjung ke petak-petak jualan Festival Hari Belia.

Festival berkenaan merupakan Kali Ke-4 diadakan yang dianjurkan oleh Battle Pro MMS dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, yang mana dibukakan bagi kunjungan orang ramai dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

Para pengunjung yang membeli-belah sepanjang festival itu diadakan juga berpeluang untuk memenangi 'Euro Dream Trip', satu pakej percutian percuma ke mana-mana satu negara Eropah pilihan pemenang.

Orang ramai bolehlah mendapatkan maklumat lanjut mengenai aktiviti-aktiviti dan usahawan-usahawan pada Festival Hari Belia 2018 melalui laman sesawang *BeliaBrunei Bangkit.com*.

APEC perlu komited penuhi komitmen perdagangan

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Oktober. - Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) Brunei Darussalam menyerahkan Laporan ABAC kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Penyerahan Laporan ABAC bagi Pemimpin-pemimpin 2018 yang bertajuk 'Digitization and Innovation : Advancing Social Harmony' disampaikan oleh Ahli ABAC, Pengiran Azaleen bin Pengiran Dato Haji Mustapha.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi yang juga selaku Ahli ABAC.

Laporan tersebut menekankan

kerja-kerja yang dijalankan oleh ABAC sepanjang tahun dan cadangan yang akan membentuk dasar dialog di antara Pemimpin-pemimpin APEC wakil perniagaan APEC pada 17 November 2018, di samping APEC CEO Summit semasa APEC Economic Leaders Week di Port Moresby, Papua New Guinea.

Di bawah kepimpinan Papua New Guinea, ABAC meneruskan agenda dengan menggariskan peranan, di mana digitalisasi dan inovasi dapat mengubah masyarakat dan memberi kesan.

Cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam itu bertujuan untuk memberi dorongan kepada APEC untuk merealisasikan tindakan padu yang akan membawa kepada kemakmuran masa

depan bersama.

ABAC amat mencadangkan agar APEC memberi tindak balas terhadap kebimbangan perniagaan serantau yang timbul daripada ketegangan perdagangan dan ekonomi APEC untuk lebih memenuhi komitmen perdagangan secara individu dan melalui WTO.

Di samping, ABAC juga mencadangkan agar APEC mempercepatkan kemajuan ke arah pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas di Asia Pasifik (FTAAP) sebagai tujuan utama dalam mencapai integrasi ekonomi serantau.

ABAC juga percaya bahawa ekonomi APEC harus lebih aktif terlibat dengan masyarakat sivil dalam manfaat liberalisasi perdagangan dan keperluan untuk dasar-dasar bagi memastikan manfaatnya lebih banyak dikongsi oleh masyarakat kita.



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof menerima laporan dari Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) Brunei Darussalam.

Kongsi pengalaman bermasjid bersama negara MABIMS



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dalam ucapan pada Majlis Perasmian Konvensyen Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Tahun 1440H / 2018M.

TUNGKU LINK, Rabu, 24 Oktober. - Konvensyen dapat memberi ruang dan kesempatan kepada peserta-peserta untuk bertukar-tukar maklumat tentang ehwal masjid dan pengalaman mentakmirkannya dan hal itu tentu akan sangat menarik dan berguna didengar.

Masing-masing diharap akan mengongsikan maklumat dan pengalaman secara telus dengan sebaik-baiknya. Berkongsi maklumat dan pengalaman itu tentu sekali akan mendatangkan ilham kepada para pendengarnya untuk membuat inisiatif-inisiatif baharu.

Namun perlu diingat bahawa

ilham atau pemikiran yang datang untuk membuat sebarang pembaharuan perlulah disaring, dikaji dengan teliti dan difikirkan sehalus-halusnya, terutama sekali ia hendaklah berupa suatu yang didapati dengan kesimpulan yang diyakini sesuai dan boleh dibuat dengan cara yang baik untuk menghasilkan kesan yang terbaik bagi kepentingan masjid dan jemaahnya.

Ertinya untuk mentakmirkan masjid kita sentiasa bersikap terbuka dan tidak menutup pintu kepada idea-idea baharu, sebaliknya perlu sedia mengalu-alukan dan sentiasa mendorong Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid supaya berfikiran maju dan kreatif.

Kita sekadar hendak memastikan ia masih sahaja dalam parameter dan pada landasan menurut ajaran, sikap pembawaan serta amalan keagamaan yang lazim yang diamalkan di negara ini.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyentuh mengenai perkara tersebut dalam ucapannya pada Majlis Perasmian Konvensyen Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Tahun 1440H / 2018M, bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam, di sini.

Maka konvensyen ini jelas Yang Berhormat, dijangka akan mengandungi percakapan mengenai pengalaman bermasjid.

Selain itu, ia juga diharapkan akan memfokus kepada peranan, tugas dan tanggungjawab

pimpinan dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid untuk mengurus dan mentakmirkan masjid masing-masing dengan mendapatkan idea-idea baharu yang sesuai dan boleh dibuat bagi kepentingan masjid dan jemaahnya.

Menyentuh mengenai peranan tugas dan tanggungjawab pemimpin dan para Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid pula adalah untuk mencapai empat perkara, iaitu tujuan penubuhan Jawatankuasa Ahli-ahli Takmir sebagaimana terkandung dalam Bab 2 Garis Pandu Penubuhan dan Pelantikan mereka, iaitu menjadi pembantu kepada para pegawai masjid bagi kesempurnaan perjalanan masjid serta memajukan pentakmiran dan hal ehwal kebajikan masjid.

Selain itu juga untuk mengambil berat mengenai hal ehwal keagamaan di dalam mukim masjid; mengambil berat mengenai dengan kehadiran anak-anak mukim masjid itu menunaikan ibadat di masjid, khususnya Sembahyang Fardu Jumaat di masjid itu; dan membantu dalam memeduli hal ehwal kebajikan masyarakat Islam di mukim masjidnya.

Terangnya, Jawatankuasa Takmir Masjid di negara ini dipimpin oleh imamnya dan disertai juga oleh Penasihat-penasihat, selain daripada Naib Pengerusi, Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari, Penolong Bendahari dan seterusnya dalam Jawatankuasa Takmir, ada beberapa lantikan Penyelia, iaitu Penyelia Pemeliharaan Bangunan; Penyelia Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam; Penyelia Pendidikan dan Kebudayaan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Islam; Penyelia Hal Ehwal Belia; Penyelia Bahagian Dakwan dan Penerangan; Penyelia Hal Ehwal Kebajikan Masyarakat; Penyelia Fakir dan Miskin; dan Penyelia Hal Ehwal Muslimah.

Dari itu, Yang Berhormat menegaskan, yang perlu diketahui ialah imam-imam adalah penjawat awam, mereka adalah kakitangan kerajaan dan lantikan mereka menghendaki mereka bertugas di masjid, dan dari masjid pula mereka berperanan dalam hal suka duka orang ramai penduduk di sekitar perkampungan dan permukiman masjid mereka.

"Dalam struktur Jawatankuasa Takmir Masjid, imam ditetapkan menjadi Pengerusi dan Bendahari secara jawatan, iaitu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Buku Panduan Kerja Pegawai-Pegawai Masjid 1996. Lain-lain keahlian bolehlah dilantik daripada kalangan ketua kampung, guru-guru besar, guru-guru agama dan jemaah-jemaah masjid yang difikirkan berkelayakan dan bersesuaian."

Namun kesemua mereka terang Yang Berhormat lagi, sama ada yang berjawatan Pegawai Masjid mahupun Sukarelawan - adalah orang-orang yang diberikan kepercayaan, amanah dan harapan untuk memakmurkan masjid mereka.

Setakat ini, ada seramai lebih 3,000 orang Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid bagi sebanyak 118 buah masjid (termasuk surau dan balai ibadat) di seluruh negara, di samping itu terdapat juga

Kumpulan Kelas Bimbingan Muslimah Masjid, yang mana pada masa ini seramai 2,152 wanita yang aktif dalam kegiatan Muslimah Masjid di 84 buah masjid dan terdapat juga lagi Kumpulan-kumpulan Belia Masjid yang sangat menggalakkan dengan kegiatan keagamaan dan kemasyarakatan mereka menerusi masjid.

Kesemua itu merupakan unsur yang mentakmirkan masjid yang sangat diharapkan akan terus giat dan berkembang menjadikan masjid tumpuan orang ramai serta penduduk di mukim dan perkampungan di mana masjid berada.

Maka konvensyen ini jelas Yang Berhormat, sangat tepat bagi awda sekalian selaku wakil-wakil penggiat dan pentakmir masjid untuk berkongsi pengalaman bermasjid dengan Pembentang-pembentang dari negara-negara Menteri-menteri Agama Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura (MABIMS), di samping pengalaman bermasjid di banyak tempat dan kawasan dalam negara ini.

Dan diharapkan juga konvensyen ini akan menyuntik semangat kepada pihak yang mentadbir hal ehwal masjid, iaitu JHEM, KHEU sebagai jentera pengurusan perkhidmatan agama, termasuklah ehwal masjid bagi pihak Majlis Ugama Islam yang menurut undang-undang adalah menjadi Pemegang Amanah masjid-masjid di negara ini.

Bantu makmurkan masjid dengan kegiatan keagamaan, kemasyarakatan

TUNGKU LINK, Rabu, 24 Oktober. - Majlis Ugama Islam ditetapkan menjadi penerima tunggal bagi semua masjid di Negara Brunei Darussalam secara undang-undang.

Dengan peruntukan undang-undang, Majlis Ugama Islam adalah diberi kuasa mengawal pembinaan dan penggunaan mana-mana bangunan yang ada sebagai atau bagi maksud-maksud sebuah masjid, termasuk juga kuasa untuk menutup dan merobohnya dan jelas menurut undang-undang yang berkuat kuasa semenjak tahun 1955 bahawa masjid di negara kita

adalah di bawah amanah Majlis Ugama Islam.

Perkara tersebut antara yang turut ditekankan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dalam ucapannya pada Majlis Perasmian Konvensyen Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Tahun 1440H / 2018M bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam, di sini.

Tambah Yang Berhormat lagi, tiada masjid atau surau atau balai ibadat boleh dibangunkan

melainkan dengan kebenaran Majlis Ugama Islam dan Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) adalah Pengurus-Tadbirnya, manakala Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) tetap menjadi Pemegang Amanahnya.

Adapun Jawatankuasa Takmir Masjid, jelas Yang Berhormat, adalah bagi membantu Majlis Ugama Islam dan JHEM, KHEU untuk memakmurkan masjid dengan kegiatan-kegiatan keagamaan dan kemasyarakatan yang melibatkan jemaah, iaitu orang ramai penduduk dalam lingkungan perkampungan dan permukiman masjid.

Yang Berhormat menambah, selain imam sebagai penjawat awam yang kerana jawatannya ditetapkan menjadi Pengerusi dan Bendahari, Jawatankuasa Takmir Masjid juga mengikut Garis Pandu Penubuhan dan Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid 1427H / 2006M yang menyebutkan sekurang-kurangnya tiga Guru Ugama yang tinggal atau mengajar di sekitar masjid berkenaan dilantik ke dalam Jawatankuasa Takmir.

"Susunan keanggotaan sedemikian itu bertujuan supaya orang ramai, penduduk persekitaran masjid dapat merasakan bahawa mereka

bermasjid, iaitu dalam erti kata ada mempunyai kepimpinan keagamaan dan sekali gus juga kepimpinan kemasyarakatan di tempat mereka, selain Majlis Perundingan Mukim dan Kampung," terang Yang Berhormat.

Dalam waktu yang sama, ujar Yang Berhormat signifikan keanggotaan guru-guru agama, selain imam menjadi Pengerusi dan Bendahari adalah menunjukkan bahawa guru-guru agama adalah diberikan peranan dalam kepimpinan masyarakat menerusi masjid-masjid.

Dengan itu juga menunjukkan betapa kita sangat mengambil berat supaya ajaran dan amalan ugama dalam kalangan masyarakat adalah menurut ajaran dan amalan sebagaimana ia diajar dan diamalkan menerusi kurikulum dan kokurikulum sekolah-sekolah.

Dan peranan dan tanggungjawab utama Pegawai-pegawai Masjid berserta Jawatankuasa Takmirnya adalah untuk memastikan masjid, surau dan balai ibadat sentiasa terkawal daripada sebarang unsur ajaran dan amalan berugama yang tidak selaras dengan amalan yang lazim diikuti di negara ini.

"Mengapa? Jawabannya jelas bahawa kita tidak mahu timbul kekeliruan di kalangan masyarakat

berikutan daripada perselisihan pendapat mengenai sesuatu amalan dan upacara keagamaan yang sudah lazim diamalkan dan diikuti dengan baik oleh umat Islam di negara ini," ujar Yang Berhormat.

Tegasnya, kekeliruan orang awam dalam perkara ugama, khususnya amalan-amalan tertentu boleh membawa kepada hal-hal yang negatif, lebih-lebih lagi apabila perselisihan pendapat itu diikuti dengan sikap fanatik atau taksub terhadap seseorang atau kumpulan jemaah dan boleh mengeruhkan suasana bermasyarakat dan keluarga.

Kerana itu sebagai langkah mengawal daripada perkara-perkara dan kejadian yang merosakkan perpaduan itu terang Yang Berhormat, kita di Negara Brunei Darussalam telah menjadikan kesalahan di bawah undang-undang ke atas mana-mana orang yang mempertikai dan mempersoal amalan atau upacara lazim berkaitan dengan ugama Islam, iaitu sebagai tambahan kepada peruntukan undang-undang yang sedia ada mengenai kesalahan menghina atau menyebabkan ugama Islam dipandang hina dan lain-lain dengan cara lisan atau tulisan.

Ke muka 21



ANTARA peserta yang menghadiri konvensyen tersebut.

Tingkat kualiti, kefahaman dalam mentakmir masjid



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman (tiga, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Konvensyen Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid 1440H / 2018M di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

TUNGKU LINK, Rabu, 24 Oktober. - Lebih daripada 800 peserta terdiri daripada kalangan Pegawai-pegawai Masjid, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir, Muslimah dan Ketua Belia Masjid hadir pada Konvensyen Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid bagi Tahun 1440H / 2018 bersempena dengan Sambutan Awal Tahun Hijrah 1440 kelolaan Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Negara Brunei Darussalam, bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

kehormat seterusnya merasmikan konvensyen dan menyampaikan uaputama ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman. Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang serta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan dari KHEU dan para

peserta konvensyen.

Antara tujuan konvensyen adalah untuk meningkatkan kualiti dan kredibiliti Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dalam pengurusan pentakmiran masjid, di samping meningkatkan penghayatan Ahli Jawatankuasa Takmir, Muslimah dan Ketua Belia Masjid akan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Melaluinya, para peserta juga akan dapat berkongsi maklumat daripada pengalaman pengurusan takmir masjid-masjid dari luar negara khususnya dari negara anggota Menteri-menteri Agama Brunei Darussalam, Indonesia,

Malaysia dan Singapura (MABIMS).

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Mudim Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh.

Menurut Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, konvensyen tersebut diadakan selama dua hari, yang mana hari pertama adalah pembentangan kertas-kertas kerja, termasuk dari negara anggota MABIMS dan pada hari berikutnya ialah Bengkel dan Muzakarah mengikut kumpulan masing-masing.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan Perasmian Konvensyen dan Ucapama daripada Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin, yang kemudiannya turut menyempurnakan Penyampaian Sijil dan Cenderamata kepada Pembentang-pembentang dari negara anggota MABIMS.

Sejurus itu pembentangan kertas kerja pertama dari Negara Brunei Darussalam mengambil tempat yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri mengenai Peranan dan Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Negara Brunei Darussalam.

Manakala pada sebelah petang, konvensyen diteruskan dengan tiga lagi pembentangan kertas kerja, masing-masing dari Republik Indonesia yang disampaikan oleh Kepala Sub Direktorat Kemasjidan pada Direktorat Utusan Agama Islam dan Pembinaan Syariah, Kementerian Agama Republik Indonesia, Ustaz Abdul Syukur bin Ismail; dari Malaysia disampaikan oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan, Cawangan Pengimarah, Bahagian Kemajuan Islam, JAKIM, Ustaz Jamali bin Mohd. Adnan dan dari Republik Singapura disampaikan oleh Penolong Pengarah Pembangunan Masyarakat dari Republik Singapura, Adnan bin Abd. Hamid.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mudim Haji Amran.

Konvensyen diteruskan lagi pada Khamis, 25 Oktober dengan pengisian Bengkel dan Muzakarah, diselajarkan dengan acara Penutup Konvensyen tersebut dan Penyerahan Resolusi.

Semoga dengan adanya konvensyen ini, pihak JHEM berharap dapat meningkatkan lagi kualiti dan kefahaman Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid di Negara Brunei Darussalam mengenai dengan peranan, tugas dan tanggungjawab mereka dalam membantu mentakmirkan masjid-masjid di seluruh negara.

Forum pengukuhan kerjasama pertahanan berlangsung di Beijing

BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Jumaat, 26 Oktober. - Negara Brunei Darussalam antara negara yang menghadiri Forum Xiangshan Kali Ke-8 yang berlangsung di Pusat

Persidangan Antarabangsa Beijing pada 24 hingga 26 Oktober 2018.

Dengan dikendalikan bersama oleh China Association for Military Science (CAMS) dan China Institute for International

Strategic Studies (CISS) forum membawa tema 'Building a New Type of Security Partnership of Equality, Mutual Trust and Win-Win Cooperation' dihadiri oleh para perwakilan dari 67 buah negara dan tujuh pertubuhan antarabangsa termasuk Negara Brunei Darussalam, negara anggota ASEAN yang lain, negara-negara Eropah dan negara-negara Afrika, Pertubuhan Perjanjian Negara-Negara Atlantik Utara (NATO) serta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Delegasi dari Kementerian Pertahanan diketuai oleh Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof. Hadir sama Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah.

Forum berkenaan dirasmikan oleh State Councilor dan Menteri Pertahanan Negara, Republik Rakyat China, Jeneral Wei Fenghe yang telah menyampaikan ucapan pembukaan dari Presiden Republik Rakyat China, Presiden Xi Jinping.

Terbahagi kepada empat sesi plenari dan sesi khas, forum tersebut antara lain memfokuskan perbincangan mengenai Tadbir Urus Keselamatan Antarabangsa - Idea dan Pendekatan Baharu, Pengganasan Global: Ancaman dan Langkah-langkah Pencegahan, Kerjasama Keselamatan Maritim: Realiti dan Visi, dan Pasukan Pengaman PBB dan Kerjasama.



MENTERI Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof hadir pada Forum Xiangshan Kali Ke-8 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Beijing pada 24 hingga 26 Oktober 2018.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

Menteri-menteri Pertahanan yang hadir turut diraikan di Majlis Makan Malam yang diberikan oleh Jeneral Wei Fenghe pada 25 Oktober 2018.

Di kesempatan ini, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof juga telah membuat perbincangan dua hala bersama Pengerusi China Association for Military Science, Leftenan Jeneral Yang Xuejun, penganjur bersama forum tersebut.

Pada perjumpaan itu, Yang Berhormat Menteri Pertahanan II telah menyampaikan hasrat

kedua-dua pihak untuk menanai peluang kerjasama antara institusi-institusi pertahanan dan seterusnya menyampaikan penghargaan dan ucapan tahniah di atas kejayaan menganjurkan forum berkenaan.

Forum kali ini telah berjaya mencapai matlamatnya dalam membina platform untuk bertukar-tukar maklumat serta membina keyakinan bersama ke arah kerjasama yang jitu di pelbagai peringkat pertahanan. Yang Berhormat Menteri Pertahanan II bertolak meninggalkan Beijing pada 27 Oktober 2018.

Mesej tular mengenai denda, mata demerit SiKAP tidak benar

Siaran Akhbar : Jabatan Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Oktober. - Berikutan dengan tularnya satu mesej dalam bahasa Mandarin melalui aplikasi media sosial termasuk WhatsApp mengenai kesalahan-kesalahan lalu lintas jalan raya yang dikenakan denda dan mata demerit SiKAP tertentu dan yang kononnya menyatakan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) serta Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL) Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menjalankan sekatan jalan raya selama 60 hari bertujuan memastikan para pemandu kenderaan bermotor di negara ini tidak melanggar akta dan peraturan lalu lintas jalan raya seperti kegagalan pemandu memakai tali pinggang keledar semasa memandu, JPD dengan ini memaklumkan bahawa JPD tidak pernah mengeluarkan mesej sedemikian.

JPD ingin menasihatkan kepada orang ramai supaya tidak mudah terpedaya dan percaya dengan maklumat yang disebarkan melalui mana-mana aplikasi media sosial tanpa memastikan kesahihan maklumat yang disebarkan terlebih dahulu.

Di samping itu juga, JPD memohon mana-mana individu yang menerima mesej tular tersebut supaya menghentikan penyebarannya kerana boleh mengelirukan orang awam.

Bagi maklumat lanjut mengenai kesalahan-kesalahan lalu lintas jalan raya dan kadar-kadar denda kompaun yang tepat dan sahih, orang ramai bolehlah memuat turun pautan di bawah tajuk senarai kesalahan dalam laman sesawang PPDB www.polis.gov.bn.

Sementara untuk mengetahui berkenaan mata demerit SiKAP, orang ramai bolehlah merujuk laman sesawang JPD www.ltd.gov.bn atau menghubungi Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, JPD di nombor telefon +673 2451979 / 80 sambungan 107 pada waktu-waktu bekerja.

Festival Makanan Malaysia di Anjung Saujana



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong semasa merasmikan Festival Makanan Malaysia di Restoran Anjung Saujana, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.



PELBAGAI jenis hidangan buah-buahan juga disediakan sempena festival bermula 26 Oktober hingga 4 November 2018.

BANDAR SERI BEGAWAN, melancarkan Festival Makanan Malaysia di Restoran Anjung Saujana, Lapangan Terbang Khamis, 25 Oktober. - Royal Brunei Catering (RBC) telah

Antarabangsa Brunei yang akan bermula 26 Oktober hingga 4 November depan.

80 sertai Majlis Khatam Al-Quran Kelas Muratal Shuboh MRSB



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong selaku Penaung Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB), Kampung Sungai Akar dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran Kelas Muratal Shuboh Siri Ke-4 MRSB, Kampung Sungai Akar.

Berita dan Foto : Ihsan Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar

MUARA, Jumaat, 26 Oktober. - Seramai 80 peserta dan jemaah Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB), Kampung Sungai Akar menyertai Majlis Khatam Al-Quran Kelas Muratal

Shuboh Siri Ke-4 yang diadakan petang tadi di masjid tersebut.

Turut hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, selaku Penaung MRSB, Kampung Sungai Akar dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Pendaftaran Keputusan Peperiksaan PCKSA mula dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BERAKAS, Jumaat, 26 Oktober. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam (JPI) selaku Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei (LPPUB) dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat memaklumkan bahawa Pendaftaran bagi Mendapatkan Keputusan Peperiksaan Pemilihan Calon ke Sekolah Arab (PCKSA) Tahun 1439 Hijrah /2018 Masihi akan mula dibukakan.

Calon-calon peperiksaan, ibu bapa atau penjaga yang ingin melanggan perkhidmatan ini dikehendaki mendaftar terlebih dahulu, sama ada melalui pendaftaran secara *online* atau perkhidmatan SMS menggunakan

telefon bimbit.

Pendaftaran adalah percuma dan pelanggan boleh mula mendaftar mulai Sabtu, 27 Oktober, jam 10.00 pagi.

Pendaftaran secara *online* boleh dibuat menerusi laman sesawang KHEU di 'www.kheu.gov.bn'. Manakala pendaftaran melalui perkhidmatan SMS menggunakan telefon bimbit adalah dengan menaip KHEU (jarak) REG (jarak) NOMBOR PUSAT PEPERIKSAAN (jarak) NOMBOR INDEKS CALON dan hantar ke 8885555 bagi pelanggan DST atau 38666 bagi pelanggan PCSB.

Pendaftaran yang berjaya akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui SMS tanpa sebarang kos kepada pelanggan.

Keputusan peperiksaan SMS hanya akan dihantar kepada pelanggan yang berdaftar setelah

keputusan peperiksaan dikeluarkan. Pelanggan akan dikenakan caj bayaran BND1.00 bagi setiap keputusan peperiksaan SMS yang diterima.

Sehubungan itu, dipohonkan kepada para pelanggan agar dapat memastikan telefon bimbit masing-masing mempunyai baki kredit yang mencukupi.

Melalui perkhidmatan itu nanti, diharap akan dapat memudahkan para calon, ibu bapa atau penjaga mengetahui Keputusan Peperiksaan PCKSA Tahun 1439H / 2018M secara individu dengan lebih cepat dan tepat.

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai kaedah pendaftaran serta terma dan syarat bagi perkhidmatan tersebut, bolehlah menghubungi Mach Telecommunications System Sdn. Bhd. melalui e-mel : mach@machbrunei.com.

Berita dan Foto : / Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Mulia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah RBC.

Turut hadir, Ahli-ahli Lembaga Pengarah RBC, wakil-wakil daripada Tourism Malaysia dan juga para jemputan khas.

Festival makanan berkenaan menyediakan pelbagai hidangan 'Best of Mamak Street Food' yang menyelerakan dalam buffet makan malam bermula jam 6.30 petang hingga 10.00 malam.

Antara hidangan yang boleh dinikmati semasa festival berkenaan termasuk Nasi Kandar, Laksa, Mee Goreng Mamak dan lain-lain.

Sepanjang festival itu, restoran berkenaan juga akan mengadakan cabutan bertuah bagi pelanggan yang menikmati hidangan di restoran tersebut.

Pelanggan yang menggunakan kad makan istimewa RBC juga akan mendapat diskaun sebanyak 10 hingga 20 peratus.

Program pembarigaan MKKJR sasarkan pelajar UTB



SESI Soal jawab bersama Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Oleh : Khartini Hamir Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

TUNGKU, Khamis, 25 Oktober. - Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) kali ini meneruskan program pembarigaan mengenai keselamatan jalan raya melalui Youth Outreach Program yang disasarkan kepada para pelajar Universiti Teknologi Brunei (UTB), di sini.

Hadir bagi sama-sama menjayakan kempen tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad selaku Ambassador MKKJR beserta pegawai dan kakitangan Urusetia MKKJR dan Kementerian Perhubungan.

Yang Berhormat Awang Iswandy dalam ucapannya berkata, program itu merupakan matlamat MKKJR dengan mensasarkan pembarigaan keselamatan jalan raya kepada golongan belia di negara ini yang sudah mempunyai lesen memandu dalam usaha meningkatkan kesedaran dan menggalakkan perubahan sikap mengenai peraturan lalu lintas jalan raya bagi pemandu, penunggang basikal, penunggang motosikal dan pejalan kaki.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas, Pasukan Polis Diraja Brunei, sebanyak 15 kes kemalangan yang melibatkan kehilangan nyawa telah pun dicatatkan sepanjang Januari hingga September 2018, yang mana sepuluh melibatkan belia berusia di antara 18 hingga 38 tahun.

Namun begitu kata Yang Berhormat, yang menyedihkan di sini bagi para belia atau rakan-rakan belia atau pengguna-pengguna jalan raya di luar sana, masih ada lagi yang tidak mahu menggunakan tali pinggang keledar semasa memandu ataupun menjadi penumpang kenderaan.

Ke muka 20

Menteri Pembangunan hadiri ASIR, Republik Singapura



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa menghadiri The Asia - Singapore Infrastructure Roundtable (ASIR) yang berlangsung di Pusat Persidangan Marina Bay Sands, Republik Singapura.

REPUBLIK SINGAPURA, Rabu, 24 Oktober. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar baru-baru ini menghadiri The Asia - Singapore Infrastructure Roundtable (ASIR) yang berlangsung di Pusat Persidangan Marina Bay Sands, Republik Singapura dengan tema 'Infrastructure Refreshed - A New Phase on Asia's Infrastructure Development'.

Sesi Meja Bulat yang berlangsung pada 23 Oktober tersebut membincangkan keperluan infrastruktur di rantau ini, berkongsi pengalaman terhadap pembangunan infrastruktur dan pelaburan juga menerokai kaedah bagi memanfaatkan teknologi demi memastikan daya tahan dan kemampunan.

Bersandarkan sesi ini, ia memberikan peluang untuk mempelajari inisiatif-inisiatif baharu yang dapat meningkatkan efisiensi dan daya tahan infrastruktur sedia ada juga baharu.

Beberapa perbincangan juga dibuat mengenai usaha untuk mendapatkan rakan pemaju dari rantau ini. Perbincangan plenari dipecahkan kepada tiga tajuk utama : Pembekalan Projek Infrastruktur di Rantau ASEAN, Kerjasama untuk Mempercepatkan Kemajuan Infrastruktur di antara Panel Menteri-menteri Asian dan Kedayatahan Infrastruktur - Bagaimana Rupa Bentuk Infrastruktur yang Mampan dan Tech-enabled pada masa akan datang.

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh 250 ketua kerajaan, ahli eksekutif sektor swasta dan institusi kewangan untuk membincangkan peluang-peluang infrastruktur dan kewangan di rantau ini. Para wakil daripada *multilateral development banks* pula termasuk Asian Development Bank (ADB) dan The International Finance Corporation.

ASIR didahului dengan ucapan perasmian daripada Menteri Kewangan Singapura, Tuan Yang Terutama Heng Swee Keat diikuti dengan Majlis Pelancaran oleh Tuan Yang Terutama sendiri.

Hadir mewakili Negara Brunei Darussalam, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi; Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abd. Razak; Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa, Awang Shahrom bin Haji Awang Suhaimi dan Jurutera

di Kementerian Pembangunan, Awang Mohammad Zulaine bin Haji Zahiri.

ASEAN dilaporkan memerlukan pelaburan sebanyak USD1.7 trilion setahun dalam tempoh 10 tahun akan datang bagi memenuhi keperluan infrastruktur di rantau ini. Beberapa kerajaan di rantau Asia menyatakan bahawa pembangunan infrastruktur dan penyertaan awam adalah keutamaan mereka.

Dalam Panel Mesyuarat Menteri-menteri Asia di bawah Sesi Plenari Ke-2, antara penceramah yang dijemput ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Kedua Kewangan dan Menteri Kedua Pendidikan Singapura, Puan Yang Terutama Indranee Rajah; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi; Menteri Perusahaan Milik - Kerajaan, Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Rini Mariani Soemarno dan Menteri Perindustrian, Negara Thailand, Tuan Yang Terutama Dr. Uttama Savanayana, manakala moderator bagi perbincangan para panel pula dari Thomson Reuters, Singapore, Puan Fahima Mathe.

Dalam Panel Menteri-menteri Asian, perbincangan berkisar tentang peluang-peluang dan keupayaan setiap negara dan peranan yang dapat dimainkan oleh setiap negara dalam meningkatkan kerjasama serantau berhubung infrastruktur untuk mengatasi sebarang cabaran yang sedia ada dan pemacu pertumbuhan ekonomi. Pengalaman daripada beberapa negara juga dikongsi dalam bekerjasama dengan pihak swasta untuk mempercepatkan kadar perkembangan infrastruktur dan menerokai pendekatan baharu yang berpotensi untuk perkongsian awam - swasta.

Pada Plenari 1 dengan tajuk : 'Delivering Infrastructure Projects in ASEAN', Singapura adalah Pengerusi ASEAN pada tahun ini dan komited untuk mencapai visi integrasi serantau, sambil mengeratkan hubungan ASEAN secara lebih dekat dengan rakan kongsi luar.

Perbincangan bermula dengan kaedah ASEAN memanfaatkan pelaburan luar dalam projek-projek infrastruktur untuk memacu pertumbuhan ekonomi mampan dan elemen-elemen yang dapat membawa masuk pelaburan sektor swasta bagi memenuhi keperluan infrastruktur di rantau ini.

Perbincangan juga mengutarakan rangka kerja institusi yang berkesan dan struktur projek yang dapat dilaksanakan bagi memenuhi

keperluan infrastruktur masyarakat.

Perbincangan Plenari 2 dengan tajuk : 'Collaboration to Accelerate Infrastructure Development' melibatkan panel yang terdiri daripada Menteri-menteri Negara Asia, iaitu dari Indonesia, Brunei Darussalam, Singapura dan Thailand yang diketuai oleh moderator dari Singapura.

Dalam sesi itu, Negara Brunei Darussalam berkongsi mengenai pelan-pelan infrastruktur, visi Brunei Darussalam dalam konteks Wawasan Brunei 2035 dan perancangan untuk mengurangkan pergantungan negara kepada sektor minyak dan gas.

Perbincangan mengutarakan isu-isu mencabar beberapa negara di Asia Tenggara yang banyak melabur dalam program-program yang bercita-cita tinggi, ingin mempercepatkan perbelanjaan infrastruktur dan bagaimana mewujudkan peluang kerjasama infrastruktur di rantau ini.

Negara Brunei Darussalam juga mengongsikan beberapa cabaran yang dihadapi dalam melestarikan pembangunan infrastruktur, berasaskan kepada fakta bahawa banyak kerajaan masih bergantung kepada sektor swasta untuk membiayai projek-projek infrastruktur dan bagaimana cabaran-cabaran ini dapat diatasi melalui perkongsian.

Selain itu, perbincangan turut menyentuh mengenai semangat kerjasama, di mana *solutions* dari negara-negara ASEAN seperti Singapura atau Thailand dapat membuka peluang kerjasama bagi menambah infrastruktur yang sedia ada dan memangkin visi infrastruktur Brunei.

Perbincangan Plenari 3 diteruskan dengan tajuk : 'The Resilience of Infrastructure on How Does the Future of Sustainable and Tech-enabled Infrastructure Look Like'.

Perbincangan dimulakan dengan hakikat atau kenyataan bahawa daya tahan infrastruktur tradisional diukur melalui jangka hayat projek, integriti struktur dan *tenability* terhadap bencana semula jadi atau buatan manusia.

Dalam era digital, kedayatahan infrastruktur ditakrifkan semula untuk mengambil kira, sama ada mereka boleh terus menjadi relevan, mampan dan responsif kepada keperluan yang berubah.

Perbincangan juga berkisar tentang bagaimana infrastruktur sedia ada dapat diperbaiki untuk menampung perkembangan baharu dan menjadi lebih berdaya tahan ketika dunia berdepan dengan isu keselamatan dan perubahan iklim dan apakah kaitan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pembangunan

pembiayaan iklim dalam meningkatkan kedayatahan infrastruktur di tengah-tengah, di mana pelaburan besar diperlukan untuk ASEAN.

Selepas Perbincangan Plenari, Bengkel Serentak termasuk Pameran Projek-projek Infrastruktur Serantau dan Perbincangan mengenai Penyelesaian yang Boleh Mengganggu bagi Sektor Infrastruktur diadakan.

Antara tajuk-tajuk perbincangan yang dikongsikan dalam Bengkel berkenaan, Delivering into Philippines "Build, Build, Build" Pipeline Programme, di mana Filipina meningkatkan pelaburan infrastruktur mereka.

Agensi-agensi tempatan juga akan mengguna pakai pendekatan berbeza untuk memastikan projek-projek dilaksanakan tepat pada masanya dan dalam lingkungan bajet yang disediakan.

Selain itu, ADB menyokong usaha tersebut melalui pinjaman \$100 juta yang baharu bagi Penyediaan Infrastruktur dan Inovasi Kemudahan (IPIF), memberikan faedah projek-projek yang bernilai kira-kira \$3.8 bilion yang akan disediakan di bawah pinjaman tersebut. Perbincangan dapat membantu memahami perkembangan iklim perniagaan dan projek paip di Filipina.

Antara topik lain yang dibincangkan pada Bengkel Serentak, termasuk menangani isu *start-ups* serantau yang mengganggu sektor infrastruktur tradisional dan berkongsi *solution disruptive* yang boleh

mengganggu di tempat infrastruktur, memanfaatkan potensi pembangunan bandar di Telangana dan perkongsian dalam sektor *connectivity* dan projek-projek *renewable* di Indonesia.

Setelah Sesi Meja Bulat berakhir, Kunjungan Muhibah diadakan di antara Menteri Pembangunan Negara, Republik Singapura dan Menteri Kedua Kewangan, TYT Lawrence Wong bersama Menteri Pembangunan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi, diiringi oleh Setiausaha tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Dr. Dayang Nor Imtihan; Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa, Awang Shahrom dan Jurutera di Kementerian Pembangunan, Awang Mohammad Zulaine.

Perbincangan menekankan kepada langkah untuk melanjutkan kerjasama pada masa hadapan dan membina rangkaian yang lebih dekat untuk kerjasama yang lebih praktikal dan konkrit, terutamanya dalam inisiatif-inisiatif perkongsian dasar-dasar dan pengalaman dalam bidang berkaitan yang merangkumi Pembangunan Program Keupayaan, khususnya dalam bidang infrastruktur mampan dengan menggunakan Pendekatan PPP di bawah empat bidang kerjasama yang ada dalam Pembangunan Perbandaran dan Kemajuan Bandar, Pengangkutan, Tenaga, Sumber Air dan IT pintar untuk memangkin pembangunan infrastruktur di Rantau ASEAN.

31 pain darah berjaya dikumpulkan



ANTARA yang ikut serta pada Hari Pendermaan Darah BIACC 2018 yang diadakan di premis Syarikat BIACC Sendirian Berhad.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Rabu, 24 Oktober. - Sebanyak 31 pain darah berjaya dikumpulkan semasa hari pendermaan darah yang diunkayahkan oleh Syarikat BIACC Sendirian Berhad iaitu salah sebuah syarikat yang bernaung di bawah Darussalam Assets dengan kerjasama dan sokongan Tabung Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang diadakan di Terminal Kargo Udara BIACC, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB).

Pendermaan dibukakan kepada

para pegawai dan kakitangan Syarikat BIACC Sendirian Berhad dan turut disertai oleh warga agensi-agensi kerajaan, Syarikat Keselamatan dan Syarikat-syarikat Penghantaran Kargo Udara yang beroperasi di Terminal Kargo Udara, LTAB.

Hari Pendermaan Darah BIACC 2018 diadakan bertujuan untuk memberikan impak positif pada keseluruhannya, di samping memaksimumkan kewujudan perkongsian nilai bagi syarikat tersebut dan para pekerjaanya.

Kualiti pendidikan IBTE terus diperkukuh

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Dari muka 1

Menteri Pendidikan seterusnya berkata, kerjasama rapat di antara pihak institusi pendidikan dengan pihak berkepentingan terutamanya pihak industri adalah mustahak, di mana ia perlu diteruskan dan diperkukuhkan lagi bagi memastikan kurikulum yang dirangka adalah bersesuaian dari segi kaedah pengajaran, pembelajaran dan penggunaan teknologi pada masa kini dan akan datang.

Namun begitu ujar Yang Berhormat, impak Revolusi Industri 4.0 yang lebih ketara adalah kepada nilai-nilai kemanusiaan dan kerohanian.

Negara tambahnya bukan sahaja memerlukan modal insan yang mempunyai kemahiran teknologi abad ke-21, tetapi juga kemahiran insaniah (*soft skills*) yang selari

dengan usaha kita menghadapi cabaran global.

Sebagai persiapan Revolusi Industri 4.0, pihak institusi jelas Yang Berhormat, perlu menyediakan pendidikan yang holistik, mampu menerapkan pembelajaran sepanjang hayat serta dapat memupuk minda berdikari untuk melahirkan graduan yang mempunyai ketahanan diri yang tinggi, berdaya saing, serta sentiasa berfikir inovatif dan kreatif.

Dalam pada itu, Yang Berhormat turut menyeru para graduan agar tidak mensia-siakan segala ilmu pengetahuan dan kemahiran yang telah diperolehi dan dipelajari di sepanjang mengikuti program di institut ini. Kecemerlangan dan kejayaan masa hadapan hanya akan dapat dicapai sekiranya para graduan terus tekun berusaha dan dapat mengadaptasikan diri dengan arus perubahan di

sekeliling, terutama dalam era yang serba mencabar pada hari ini.

"Saya menyeru para graduan untuk menanamkan sifat serta nilai-nilai murni untuk terus cekal dalam meneroka ilmu pengetahuan dan kemahiran baharu supaya para graduan akan menjadi modal insan yang berguna untuk agama, bangsa dan negara, di samping dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada pembangunan dan kemajuan negara," ujar Yang Berhormat menambah.

Terdahulu Yang Berhormat menyatakan, dalam merealisasikan hasrat negara mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035, Kementerian Pendidikan sangat komited dalam menyediakan sistem pendidikan yang holistik dan berkualiti yang dapat melengkapi pelajar-pelajar dengan pengetahuan serta kemahiran tinggi yang setanding dengan negara-negara maju, di samping menanamkan nilai-nilai murni yang dapat menjadikan mereka sebagai insan yang

dinamik, bertanggungjawab dan mampu menyumbang secara positif kepada pembangunan negara.

Kementerian Pendidikan tambahnya, juga menyedari betapa pentingnya sektor pendidikan teknikal dan latihan vokasional, terutama dalam mendukung usaha negara untuk mempelbagaikan dan menjana pertumbuhan ekonomi.

Dalam konteks ini, pihak kementerian telah mengenal pasti beberapa petunjuk prestasi utama (KPI) melalui Pelan Strategik Kementerian Pendidikan untuk mengukuhkan lagi kualiti pendidikan teknikal dan vokasional di negara kita.

Menurut Yang Berhormat lagi, KPI seperti kadar pekerjaan (*employment rate*) dan kadar kepuasan majikan (*employers' satisfaction rate*) membolehkan tahap pencapaian yang berasaskan hasil (*outcome-based*) dibuat secara spesifik, justeru menjadi penanda aras terhadap keberkesanan pendidikan teknikal dan vokasional dalam mendukung



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman menyampaikan ucapan.

matlamat pertama Wawasan Brunei 2035, iaitu rakyat yang berpendidikan berkemahiran tinggi dan berjaya.

Konvokesyen IBTE Ke-26 raikan 1,541 graduan



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman selaku tetamu kehormat menganugerahkan sijil kepada salah seorang penerima pada Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Ke-26 pada sesi pagi (kiri), manakala gambar kanan, Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw selaku tetamu kehormat menganugerahkan sijil kepada salah seorang penerima pada Majlis Konvokesyen IBTE Ke-26 bagi sesi petang.



para graduan IBTE adalah pada kadar 74.3 peratus - peningkatan sejumlah 13 peratus dari tahun sebelumnya.

Dalam memastikan kebolehpkerjaan para graduannya, IBTE tambahnya, juga menekankan komponen *entrepreneurship* dalam semua program yang ditawarkan oleh institut ini.

Turut hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap, para Naib Canselor dan Rektor, Timbalan Setiausaha Tetap, Ahli-ahli Lembaga Pengelola IBTE, jemputan khas dan ibu bapa serta penjaga graduan.

IBTE memainkan peranan penting dalam menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran yang mampu membantu meningkatkan pembangunan sosial dan ekonomi di negara ini.

Sebagai penyedia utama dalam pendidikan teknikal dan kursus-kursus latihan, kursus-kursus yang ditawarkan oleh IBTE memfokuskan kepada pembangunan kemahiran praktikal (*competency-based*).

Misi IBTE ialah untuk melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi dan berkebolehpkerjaan (*employable*) yang mampu memenuhi keperluan *stakeholder* melalui persekitaran pembelajaran yang holistik.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Oktober. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) terus bergerak secara agresif dan proaktif bagi menuju sebuah institusi pendidikan teknikal dan latihan vokasional yang berkualiti dan melahirkan graduan yang berdaya saing dan kompetitif dalam dunia globalisasi.

Dengan berpaksikan moto 'Inspiring Bruneians Towards Excellence', IBTE telah dapat mengekalkan objektif awal penubuhannya, iaitu untuk melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang berkemahiran tinggi yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

Hari ini, seramai 1,541 lagi graduan diraikan pada Majlis Konvokesyen IBTE Ke-26 yang diadakan pada sesi pagi dan petang.

Majlis yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas itu menyaksikan penganugerahan Sijil Pendidikan Teknikal Tertinggi Kebangsaan atau Higher National Technical Education Certificate (HNTec), Diploma (Level 4), Sijil Pendidikan Teknikal Kebangsaan atau National Technical Education Certificate (NTec) dan Sijil Kemahiran Kelayakan

Perindustrian atau Industrial Skills Qualification (ISQ) kepada graduan-graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka di kampus-kampus IBTE.

Hadir menyempurnakan penganugerahan sijil-sijil kepada seramai 905 graduan yang mengikuti program HNTec dan empat graduan Diploma (Level 4) pada sesi pagi ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Pada majlis tersebut juga, seramai 13 orang graduan menerima Anugerah Pelajar Terbaik dan tiga orang graduan menerima Anugerah Khas Pelajar.

Manakala penganugerahan sijil kepada seramai 616 graduan NTec dan 16 graduan ISQ disampaikan oleh Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw, pada sesi petang.

Terdahulu Pengerusi Majlis, Pemangku Pengarah Pendidikan Teknik selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Zamri bin Haji Sabli dalam ucapan alu-aluannya berkata, pendidikan teknikal dan

latihan vokasional di negara ini telah menjangkau lebih dari 40 tahun, dan matlamat penubuhan IBTE sebagai Institusi Pengajian Pasca Menengah dalam pendidikan teknikal dan latihan vokasional yang bersifat relevan dengan memenuhi keperluan industri dan tenaga kerja, IBTE, jelasnya menawarkan program pengajian yang *employability* dan *marketability* dalam pelbagai bidang dalam peringkat HNTec, NTec dan ISQ.

Menurutnya, sejak transformasi pada tahun 2013, IBTE telah melahirkan seramai 4,557 graduan yang telah menamatkan pengajian mereka termasuk yang diraikan pada hari ini.

"Peningkatan ini juga ketara melalui program-program baharu yang ditawarkan oleh institut ini. Pada tahun 2013, cuma sebanyak lapan program IBTE telah diperkenalkan dan pada hari ini, program tersebut menjangkau ke 53 program berasaskan kemahiran (*competency based*)," ujarnya.

IBTE tambahnya, kini sedang giat merancang untuk menambah beberapa buah program lagi yang lebih relevan dari masa ke semasa. Baru-baru ini, IBTE telah memperkenalkan program baharu

NTec Care Giver (*Cancer Care*) iaitu program yang berkolaborasi dengan Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC).

Kecemerlangan IBTE dalam bidang akademik dapat dibuktikan melalui kebolehpkerjaan (*employability*) pada graduannya, yang diukur enam bulan setelah menamatkan kursus mereka, jelas beliau.

Beliau seterusnya menyatakan, dalam kajian *employability study* yang dilaksanakan pada tahun 2018, kadar kebolehpasaran



ANTARA graduan yang menerima sijil pada Majlis Konvokesyen IBTE Ke-26 pada sesi petang.

UTB - IITGT tandatangani MoU



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Insurans Islam TAIB General Takaful (IITGT) Sendirian Berhad, bertempat di Lecture Theatre 2, UTB.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUNGKU LINK, Rabu, 24 Oktober. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Insurans Islam TAIB General Takaful (IITGT) Sendirian Berhad mengadakan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) bertempat di Lecture Theatre 2, UTB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan majlis penandatanganan tersebut ialah Menteri Perhubungan, Yang

Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Juga hadir sama, Timbalan Menteri Kewangan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad dan anak-anak syarikatnya; Naib

Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman; Pengarah Urusan IITGT, Awang Haji Osman bin Haji Md. Jair; Setiausaha Tetap; Pemangku Pengarah Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas; Pemangku Pengarah Pengangkutan Darat; Ahli-ahli Lembaga Pengarah IITGT; Anggota Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) Negara Brunei Darussalam; Pegawai-pegawai Kanan IITGT dan Pegawai-Pegawai Utama UTB.

Menandatangani bagi pihak UTB ialah Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah

disaksikan oleh Pengarah Penyelidikan Pengangkutan (CfTR), UTB, Dr. Tan Soon Jiann.

Sementara itu, menandatangani bagi pihak IITGT ialah Pengarah Urusan IITGT, Awang Haji Osman dengan disaksikan oleh Pengurus Kanan IITGT, Awang Zamrin bin Haji Abdul Ghani.

Majlis juga turut diselenggarakan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang Kuiz Media Sosial mengenai Kesedaran Keselamatan Jalan Raya yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Menerusi penandatanganan

MoU ini, UTB dan IITGT akan bekerjasama dalam pelbagai projek, inisiatif dan program; perkongsian data; penyelidikan dan pembangunan; penempatan latihan industri bagi pelajar UTB; ceramah dan seminar perindustrian; perundingan; inisiatif pendidikan dan kerjaya serta dalam pelbagai bidang kerjasama yang lain.

Penandatanganan itu juga menandakan pencapaian baharu bagi IITGT sempena Sambutan Ulang Tahun IITGT Ke-25 dengan sentiasa memberikan sokongan kerjasama dengan UTB sebagai usaha UTB untuk mengembangmajukan dan mengukuhkan lagi kemampuan bidang penyelidikan dan kejuruteraannya.

Sebagai bahagian penting dalam sumbangan berterusan IITGT kepada pembangunan masyarakat di Negara Brunei Darussalam, ia juga akan turut memanfaatkan keupayaan tenaga tempatan untuk mencipta dan mengguna pakai penyelesaian teknologi secara inovatif.

Di samping itu, UTB juga akan terus bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingannya, terutamanya dari sektor industri untuk meningkatkan pengalaman pendidikan para pelajarnya dan memberikan penyelesaian kepada isu kontemporari yang dihadapi industri dan masyarakat menerusi penyelidikan translasi.

HALUAN

Dari muka 2

Program Pemakanan ini adalah dihasratkan untuk membantu para pelajar agar lebih bersedia bagi pembelajaran yang berkesan dan juga merangsang peningkatan kehadiran dan pencapaian pendidikan mereka. InsyaaAllah, ia akan dilarutkan kepada beberapa buah sekolah menengah lain di samping sekolah-sekolah rendah tadahan masing-masing.

Pada masa ini, Kementerian Pendidikan sedang dalam perancangan untuk memperkembangkan Program Harapan ini dengan projek akademik melalui penyediaan latihan-latihan teknikal dan vokasional. Ini adalah bertujuan bagi mengupayakan dan mempersiapkan para pelajar dengan kemahiran-kemahiran yang dapat membantu mereka di alam pekerjaan di masa akan datang.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik seterusnya sukacita juga menyembahkan bahawa Alhamdulillah, sekolah-sekolah rendah, menengah, maktab dan pusat tingkatan enam kerajaan telah pun melaksanakan Projek Membudayakan Pembacaan Al-Quran.

Dalam pada ini juga, Kementerian Pendidikan sedang melaksanakan fasa awal Projek Sembahyang Fardu Zuhur dan Asar Berjemaah, yang mana telah diadakan secara rintis di enam buah pusat tingkatan enam dan lima buah sekolah menengah.

Sukacita juga Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan telah menubuhkan sebuah pasukan petugas untuk menyelaraskan pendidikan Sejarah Islam di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian di bawah kedua-dua kementerian.

InsyaaAllah melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini, adalah diharapkan agar pelajar-pelajar akan memupuk kecintaan mereka terhadap ugama seperti

Program Harapan bantu tingkatan potensi pelajar

yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Tuan Patik.

Guru-guru juga berperanan penting dalam meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak mereka. Dalam hubungan ini, pemimpin-pemimpin sekolah dan guru-guru mereka telah melaksanakan Program School-Home Link di antara ibu bapa dan sekolah-sekolah bagi membantu pihak sekolah memantau perkembangan pembelajaran pelajar-pelajar di rumah dengan kerjasama para ibu bapa.

Ampun beribu ampun,

Salah satu ciri pendidikan cemerlang ialah penerapan pengetahuan yang terkini dan kemahiran Abad Ke-21 di dalam pembelajaran pelajar-pelajar. Aspek ini amat penting untuk diterapkan kepada para pelajar bermula bukan sahaja dari peringkat rendah hingga ke pengajian tinggi bahkan diteruskan lagi melalui pembelajaran sepanjang hayat.

Ini adalah bertepatan dengan titah Kebawah Duli Tuan Patik sempena Majlis Konvokesyen Ke-30 Universiti Brunei Darussalam baru-baru ini, bagi tumpuan diberikan kepada pendidikan dan penyelidikan kemahiran Abad Ke-21 serta pembelajaran sepanjang hayat dalam meniti era Revolusi Industri Keempat ini.

Sukacita Hamba Kebawah Duli Tuan Patik sembahkan bahawa usaha meningkatkan peluang Pembelajaran Sepanjang Hayat (Lifelong Learning) adalah kini salah satu inisiatif utama di institusi pengajian tinggi amnya dan telah mula menunjukkan perkembangan yang positif dengan penambahan program-program yang ditawarkan secara separuh masa mengikut keperluan dan kesesuaian masa para pelajar. Dalam erti kata lain, proses pembelajaran tidak akan terhenti selepas tamat alam persekolahan bahkan boleh diteruskan melalui kepelbagaian akses dan pilihan yang kini semakin bertambah dalam sama-sama

mendukung pembangunan sumber tenaga manusia yang sentiasa produktif, relevan, berpengetahuan dan berkemahiran.

Pada masa yang sama, peluang pembelajaran juga telah diluaskan lagi ke institusi pengajian tinggi swasta dengan penganugerahan Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional (BPTV) mulai tahun ini di bawah Kementerian Pendidikan. Alhamdulillah sambutan orang ramai terhadap biasiswa ini amat menggalakkan khususnya daripada golongan yang memerlukan.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyembahkan bahawa Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama juga pada masa yang sama akan terus berusaha meningkatkan kemampuan profesional guru-guru secara berterusan melalui latihan dan kursus pembangunan kapasiti serta perkongsian aktif amalan-amalan terbaik melalui seminar dan persidangan berkaitan seperti Persidangan Hari Guru yang diadakan setiap tahun.

Ampun beribu ampun,

Demikianlah sahaja yang dapat Hamba Kebawah Duli Tuan Patik sembahkan. Sebelum mengakhiri sembah alu-aluan ini, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik mewakili setiap warga yang pernah dan bergelar pelajar di Negara Brunei Darussalam ini ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh insan yang bergelar guru atas jasa bakti yang dicurahkan, hanya Allah Subhanahu Wata'ala sahaja yang dapat membalas segala jerih payah dalam membimbing pelajar-pelajar menjadi insan yang berguna.

Ampun beribu ampun,

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan segala hormat dan takzim sekali lagi sukacita menyembahkan sembah junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Tuan Patik di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik. Dan seterusnya

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik juga dengan penuh takzim menyembahkan sembah junjung kasih ke hadapan majlis:

Paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Tuan Patik :

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri,

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik,

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Seterusnya sembah juniung kasih di atas keberangkatan :

Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria

Dan ucapan terima kasih di atas kehadiran :

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara,

Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet,

Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat, Tetamu-Tetamu Khas,

Timbalan-Timbalan Menteri, Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi

dan diplomat-diplomat negara-negara sahabat,

Dhif-Dhif yang dihormati dan Para hadirin hadirat yang berbahagia sekalian.

Terima kasih yang setinggi-tingginya juga dirakamkan kepada semua pihak yang turut sama terlibat mengungkapkannya serta menjayakan majlis yang berkebakikan ini dari awal hingga akhir. Semoga segala usaha dan sumbangan murni dan ikhlas itu akan mendapat keberkatan dan ganjaran pahala yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala iua. *Amin ya rabbal 'alamin.*

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung Anugeraha.

Festival Korea 2018 perlihatkan pelbagai aspek kebudayaan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Oktober. - Festival Korea 2018 merupakan salah satu acara kebudayaan penting anjuran

Kedutaan Republik Korea sejak ia mula diadakan pada tahun 2014 yang memperlihatkan pelbagai aspek kebudayaan Korea.

Perkara tersebut antara yang dijelaskan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama

Yoon Hyun Bong dalam ucapan alu-aluannya pada Majlis Perasmian Festival Korea 2018, bertempat di Pusat Beli-Belah Times Square, di sini.

Tambah Puan Yang Terutama, pada tahun ini sekali lagi, Festival Korea akan memfokuskan khusus pada promosi pelancongan.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan isteri, Datin Nurhayana Janis binti Abdullah Lim dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yoon Hyun Bong semasa memotong reben merasmikan Pesta Korea di Time Square, Berakas.

Program Penempatan di Shenzhen pupuk bakat ICT

SHENZHEN, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Jumaat, 26 Oktober. - Program 'Huawei Seeds for the Future' merupakan program utama dengan objektif untuk memupuk bakat ICT dan memudahkan pemindahan pengetahuan sebagai asas untuk mendapatkan buruh berkemahiran tinggi dalam era pendigitalan maklumat.

Para peserta program ini didedahkan kepada pengkomputeran awan Huawei, Internet of Things (IoT), teknologi 5G, membina dan mengkonfigurasi stesen pangkalan 4G mereka sendiri dan lain-lain penyelesaian canggih melalui bengkel teknologi dan kegiatan rangkaian.

Dengan kemunculan pertama di Brunei Darussalam pada tahun 2015 telah menyaksikan sejumlah 20 pelajar cemerlang Brunei menyertai program berkenaan sejak tiga tahun lepas.

Hari ini, enam lagi pelajar Brunei yang mewakili '4th badge of beneficiaries' telah menamatkan penempatan kerja mereka selama dua minggu. Juga menyertai pengijazahan mereka bersama peserta Brunei ialah empat pelajar Kosta Rika, 10 Malaysia dan 10 Zambia.

Hadir selaku tetamu kehormat

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

pada majlis penutup program berkenaan yang diadakan di Ibu Pejabat Huawei di Shenzhen hari ini ialah Timbalan Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Datin Seri Paduka Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.

Timbalan Menteri dalam ucapannya menekankan pentingnya sistem pendidikan untuk mengikuti perkembangan yang dibawa oleh Revolusi Industri Ke-4 dan seterusnya menegaskan keperluan untuk mengukuhkan kerjasama dan perkongsian antara institusi pendidikan dan industri global terkemuka seperti Huawei untuk memastikan para graduan terus relevan kepada keperluan semasa industri.

Juga memberikan ucapan penutup, Naib Presiden Hal Ehwal Kerajaan Global Huawei, Tuan Detlef Eckert yang antaranya menekankan pentingnya kemahiran IT dalam dunia yang saling berhubung sepenuhnya dan penuh mencabar yang juga merupakan keperluan dan penggalak kerjaya.

Program 'The Seeds For The Future' bertujuan untuk menggalakkan golongan muda

mengambil peluang yang sememangnya wujud dalam teknologi digital untuk melihat di luar sempadan budaya dan geografi.

Wakil peserta dari Negara Brunei Darussalam, Muhammad Taufiq Aiman bin Haji Hishamuddin @ Luqman Hakim dalam pembentangannya di majlis penutup tersebut turut melahirkan penghargaan kepada Huawei. Di majlis itu, perwakilan Brunei juga mempersembahkan Silat Gerak 41: Asas 1 dan Titibatang bagi mempamerkan budaya Brunei.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap Pengajian Tinggi, Dr. Chin Wei Keh; Pemangku Penolong Pengarah Jabatan ICT dari Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Pengiran Nazhatul Shahima; Ketua Perwakilan, Tuan Cheng Hao Charles dan Pengurus Perhubungan Awam bagi perwakilan dari Pejabat Huawei Brunei, Puan Yong Siew Wen Kitty.

Delegasi tersebut juga dibawa melawat Ibu Pejabat Huawei, Pusat Industri Penyelesaian Industri Perniagaan Huawei dan Kampus Huawei.



TIMBALAN Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Datin Seri Paduka Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh bergambar ramai bersama enam pelajar Brunei yang menyertai program tersebut di Shenzhen.

Penerbangan terus dari Brunei ke Korea jelas PYT, ditambah ke tiga kali dalam seminggu sejak bulan Ogos lalu, yang mana telah membolehkan rakyat kedua-dua buah negara itu untuk berkunjung dengan lebih mudah lagi.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan festival tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan isteri, Datin Nurhayana Janis binti Abdullah Lim.

Festival Korea 2018 anjuran Kedutaan Republik Korea dengan kerjasama serta Pertubuhan Pelancongan Korea dan Pusat Beli-Belah Times Square itu diadakan selama tiga hari bermula hari ini hingga 28 Oktober nanti.

Pelbagai acara akan diadakan sepanjang festival tersebut seperti

pakaian tradisional Hanbok Korea dan *photobooth*; demonstrasi taekwondo, demonstrasi *make-up* dan pengayaan rambut; permainan tradisi Korea, kelas memasak, kuiz dan Bengkel Lukisan Korea, di samping persembahan lawak jenaka oleh ONGALS Babbling Comedians dari republik tersebut.

ONGALS Babbling Comedians juga akan membuat persembahan di Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) pada Sabtu, 27 Oktober bermula jam 8.00 malam dan di Pusat Beli-Belah Times Square pada Ahad, 28 Oktober bermula jam 12.40 petang.

Selain pelbagai persembahan, festival juga akan diisikan dengan cabutan bertuah dan penyampaian hadiah. Cabutan bertuah akan diadakan pada hari terakhir festival, iaitu Ahad, 28 Oktober, jam 8.00 malam.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk menyertai dan menghadiri festival berkenaan.

Abdul Hamid juara Pertandingan Pidato Bahasa Melayu Piala Duta Bahasa 2018



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah kepada juara Pertandingan Pidato Bahasa Melayu Piala Duta Bahasa 2018, Awang Abdul Hamid bin Aji.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Jumaat, 26 Oktober. - Awang Abdul Hamid bin Aji menjuarai Pertandingan Pidato Bahasa Melayu Piala Duta Bahasa 2018 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Beliau berusia 34 tahun dan merupakan guru dari Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong, memilih tajuk 'Peranan belia dalam meniti cabaran revolusi industri 4.0'.

Tempat kedua diraih oleh Dayang Nurzaidah binti Harun dengan tajuk pidato 'Peranan belia merealisasikan Wawasan Brunei 2035', manakala Dayang Nuruljannahwahafifah binti Armanshah yang menyampaikan pidato bertajuk 'Belia cerminan keunggulan negara' menduduki tempat ketiga.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad selaku tetamu kehormat.

Sementara itu dalam ucapan, Yang Berhormat Awang Iswandy berkata, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara perlulah diberi perhatian dan penggunaan selayaknya.

Menurut Yang Berhormat, kita sebagai sebuah negara perlu bergerak bersama untuk menjulang bahasa Melayu, di mana antaranya adalah melalui pertandingan pidato berkenaan.

"Pertandingan ini juga merupakan satu inisiatif dan tanggungjawab Duta Bahasa bagi memupuk minat dalam kalangan generasi muda untuk melestarikan penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian belia kita," kata Yang Berhormat dalam ucapannya.

Yang Berhormat juga menyeru terutama kepada para belia untuk berbangga dengan bahasa Melayu dan menggunakannya sebaik mungkin.

Sementara itu, Duta Bahasa bagi Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Abdul Rashid bin Awang Haji Damit dalam ucapannya antara lain menjelaskan, mengenai matlamat pertandingan ini, iaitu bagi memeriahkan lagi Sambutan Bulan Bahasa 2018 dan Festival Hari Belia Kebangsaan pada 26 hingga 28 Oktober 2018.

Beliau menambah, pertandingan yang melibatkan 13 peserta itu dibukakan kepada warganegara dan penduduk tetap negara ini, berumur di antara 15 hingga 35 tahun.

Pertandingan pidato tersebut dianjurkan oleh Duta Bahasa dengan kerjasama Syarikat Battle Pro Marketing & Management Services.

Turut hadir pada pertandingan berkenaan ialah Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Battle Pro Event, Awang Haji Syed Mohd. Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah.

Keluarga harmoni, rakyat sejahtera



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon (dua, kiri) semasa menyampaikan sijil pada Sambutan Hari Keluarga Mukim Berakas 'B' (kiri). Sementara gambar kanan, gerai jualan antara aktiviti yang turut memeriahkan Sambutan Hari Keluarga Mukim Berakas 'B'.



hubungan mesra antara keluarga dengan memupuk rasa cinta, kasih sayang sesama keluarga, menanamkan sikap hormat menghormati, tolong menolong supaya kehidupan keluarga akan lebih terjamin dan kukuh demi untuk kesejahteraan bersama," terangnya.

Dalam Sambutan Hari Keluarga ini ujar Yang Berhormat, pelbagai aktiviti dan atur cara telah disusun seperti gerai jualan, pameran urusan rumah tangga, pameran promosi kesihatan dan sukan ria.

Setentunya jelas Yang Berhormat, dengan penglibatan semua akan mengukuhkan lagi hubungan keluarga antara sesama penduduk kampung dan mukim.

Sambutan Hari Keluarga Mukim Berakas 'B' yang buat julung-julung kalinya diadakan bermula hari ini diikuti dengan Majlis Penyampaian Peraduan Urusan Rumah Tangga pada Sabtu 27 Oktober dan Sukan Ria pada Ahad 28 Oktober 2018.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada syarikat-syarikat yang memberi sumbangan.

Berita dan Foto : Aimi Sani

LAMBAK KANAN, Jumaat, 26 Oktober. - Institusi keluarga memainkan peranan yang sangat penting dalam proses pembangunan negara dan dalam usaha untuk memelihara kesejahteraan masyarakat, komuniti dan juga keluarga. Keluarga yang sihat, harmoni dan kukuh akan menyumbang

kepada kesejahteraan masyarakat, rakyat yang bersepadu, pembangunan negara yang mantap dan berdaya tahan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon juga selaku

Penghulu Mukim Berakas 'B' semasa merasmikan Sambutan Hari Keluarga Mukim Berakas 'B' di Dewan Kemasyarakatan II, Kampung Lambak Kanan, di sini.

"Dari itu adalah sangat penting untuk kita mengukuhkan

Program Hiburan, Rapsodi diadakan 3 November 2018



Siaran Akhbar dan Foto :
Radio Televisyen Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Oktober. - Rancangan hiburan yang memperlihatkan perpaduan kukuh serta persefahaman, terbitan bersama Radio Televisyen Brunei (RTB) dan MediaCorp, Republik Singapura iaitu 'Rapsodi' akan berlangsung Sabtu depan, 3 November, jam 8.30 malam bertempat di Jerudong Park Amphitheatre.

Para artis dari Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura akan bergabung dalam membuat persembahan bersama sepanjang 1 jam 30 minit yang akan menampilkan penyanyi-penyanyi popular antaranya artis-artis yang pernah

menerbitkan album *single* dan memenangi beberapa pertandingan sama ada di dalam atau luar negara.

Artis-artis dari Negara Brunei Darussalam yang akan membuat persembahan ialah Ezah Hashim, Juan Madial, Rizal Rashid dan Sri Nazrina, Auf Ismail dan Syafiqah Rosli, manakala artis-artis dari Republik Singapura ialah Aisyah Aziz, Isnina, Norshafiq, Ryan Sufian dan Sufi Rashid.


Rancangan Rapsodi tahun ini bertemakan 'Muzik Kita Lagu Kita' (*Our Music Our Song*).

Lagu-lagu yang akan dipersembahkan mempunyai kepelbagaian konsep dan identiti berunsurkan tradisi,

kontemporari dan popular dari kedua-dua buah negara. Selaras dengan tema dan konsep-konsep lagu tersebut, kesepaduan dan persamaan budaya di antara Brunei dan Singapura akan diketengahkan.

Persembahan ini merupakan salah satu projek yang terkandung dalam Perjanjian Persefahaman Bidang Penyiaran di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Republik Singapura yang ditandatangani pada tahun 1990.

Untuk makluman orang ramai, masuk adalah percuma dan Rancangan Rapsodi ini juga akan disiarkan secara langsung di RTB Aneka, RTB Sukmaindera dan rangkaian Radio Nasional FM.



MINDA

PEMBACA

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Berbudi Kepada Tanah Besar Hasilnya'. Tarikh Tutup : 31 Oktober 2018
2. 'Faedah Bekerja Sendiri Dalam Era Globalisasi'. Tarikh Tutup : 7 November 2018
3. 'Imarahkan Masjid Dengan Aktiviti Berkebajikan'. Tarikh Tutup : 14 November 2018

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca,
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:
pelita.brunei@information.gov.bn
Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75
Setiap Minggu



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 38(A)

BILANGAN IKLAN 81/2018 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan **pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam** Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 27 OKTOBER 2018

TARIKH TUTUP: 17 NOVEMBER 2018

1. PENOLONG KANAN JURUAUDIT AGUNG SUPERSCALE C
BAHAGIAN I
JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI
KEKOSONGAN = SATU (01)

2. PENOLONG JURUAUDIT TINGKAT I KUMPULAN 1 / KUMPULAN 2
BAHAGIAN I
JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI
KEKOSONGAN = DUA (02)

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:

TALIAN DARUSSALAM 123



JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN :
JPM / ASSET / M3 / 18-19 / 10 / 6
KELAS : II, III, IV & V

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi projek "UPGRADING ON EXISTING BAS SYSTEM CENTRAL SYSTEM IN BANGUNAN JABATAN PERDANA MENTERI, JALAN PERDANA MENTERI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM" daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Yuran tawaran adalah dikehendaki pembayarannya menggunakan WANG TUNAI sahaja yang berjumlah **BND30.00** (tidak dikembalikan) dibuat di Unit Kewangan, Jabatan Perdana Menteri, Basement 2, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Perdana Menteri, BB3913, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada waktu-waktu berikut :

Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi

3. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh diperoleh dari Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Perdana Menteri, Basement 2, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Perdana Menteri, BB3913, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 Petang** pada **Selasa, 6 November 2018** ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup rapat Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut : **BILANGAN TAWARAN : JPM / ASSET / M3 / 18-19 / 10 / 6 - "UPGRADING ON EXISTING BAS SYSTEM CENTRAL SYSTEM IN BANGUNAN JABATAN PERDANA MENTERI, JALAN PERDANA MENTERI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM"** tanpa menunjukkan sebarang tanda syarikat dan dialamatkan kepada :

PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
LANTAI 1, BANGUNAN
JABATAN PERDANA MENTERI
JALAN PERDANA MENTERI
BANDAR SERI BEGAWAN, BB3913
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Syarat-syarat untuk mengikuti tawaran kerja sebut harga adalah seperti berikut :

dokumen tawaran.

1. TAWARAN hanyalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam. Sebahagian tawaran hendaklah berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, menurut kelas-kelas dan kategori- kategori tertentu di Negara Brunei Darussalam sahaja, sepertimana yang dinyatakan di dalam iklan tawaran.

2. Tawaran-tawaran mestilah dibuat di atas borang-borang tawaran yang tercetak oleh kementerian ini dan penerangan lanjut bagi mengikuti sebut harga bolehlah datang terus ke **Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Blok 'A', Bangunan Perdagangan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Kata Batu, BD1517, Negara Brunei Darussalam.**

3. Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Kotak Sebut Harga, Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.**

Para penender yang berhasrat untuk ikut serta dalam tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat, penerangan dan syarat penuh di tempat mengambil

(1)
BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP/ 164 / 230 / 2018
TAJUK :
SUPPLY AND INSTALL
THE VERTICAL BLIND
(TIMBALAN SETIAUSAHA TETAP & PENGARAH PENTADBIRAN)
ROOM 3RD FLOOR AT
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

TARIKH TUTUP :
RABU, 31 OKTOBER 2018,
2.00 PETANG
YURAN :
(TIDAK DIKENAKAN BAYARAN)

KELAS I & II DALAM
KATEGORI KA 01, B 01 SAHAJA

(2)
BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP/ 164 / 231 / 2018

TAJUK :
TO MANUFACTURE SIGNAGE

(RC PODIUM) AT RAJA ISTERI
PENGIRAN ANAK HJH SALEHA
ARABIC SCHOOL KG. KATOK,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :
RABU, 31 OKTOBER 2018,
2.00 PETANG

YURAN :
(TIDAK DIKENAKAN BAYARAN)

KELAS I & II DALAM
KATEGORI KA 01 SAHAJA

(3)
BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP/ 164 / 232 / 2018

TAJUK :
SUPPLY AND INSTALL PVC STICKER
FOR AGIHAN ZAKAT OFFICE AT
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

TARIKH TUTUP :
RABU, 31 OKTOBER 2018,
2.00 PETANG

YURAN :
(TIDAK DIKENAKAN BAYARAN)

KELAS I & II DALAM
KATEGORI KA 01 SAHAJA

(4)
BIL. TAWARAN :

KHEU / BDP/ 164 / 233 / 2018

TAJUK :
REPLACE AND INSTALL TOILET
SEAT COVER / WATER TAP /
FLEXIBLE HOSE / FLOOR TRAP AT
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

TARIKH TUTUP :
RABU, 31 OKTOBER 2018,
2.00 PETANG

YURAN :
(TIDAK DIKENAKAN BAYARAN)

KELAS I & II DALAM
KATEGORI KA 01 SAHAJA

(5)
BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP/ 164 / 234 / 2018

TAJUK :
SUPPLY AND INSTALL THE KEYLESS
DOOR FOR TREASURY SECTION AT
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

TARIKH TUTUP :
RABU, 31 OKTOBER 2018,
2.00 PETANG

YURAN :
(TIDAK DIKENAKAN BAYARAN)

KELAS I & II DALAM
KATEGORI KA 01 SAHAJA



KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

**DI BUKA KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DALAM
KELAS : III KATEGORI : B 01 SAHAJA**

Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran :
29 Oktober 2018 (Isnin)

Tarikh tutup :
30 Oktober 2018 (Selasa)

Bil. Tawaran :
KHEDN / LTK / 2018 - 02

Tajuk Projek :
KERJA-KERJA PEMBAIKAN KEPADA
BLOK C & D, RUMAH PANGSA
PUTERI-PUTERI DAN BLOK F,
RUMAH PANGSA SURI SERI BEGAWAN,
BANDAR SERI BEGAWAN
BIL : KHEDN / LTK / 2018 - 02

Bilangan Projek :
KHEDN / BPE / 1115-004-01

Yuran Tawaran : BND50.00
(tidak dikembalikan).



BAHAGIAN KHIDMAT BAKTI NEGARA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

KENYATAAN SEBUT HARGA

(1)
BILANGAN SEBUT HARGA :
18 / OKTOBER / 2018 / BKBN / 1.40 / 18

TAJUK SEBUT HARGA :
KONTRAK PENGGAL EMPAT (4) TAHUN
PENYEWAAN MESIN FOTOKOPI BAGI
PENGUNAAN DI KEM LATIHAN PROGRAM
KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN),
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA
DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh tutup sebut harga :
Khamis, 8 November 2018
jam 2.00 Petang

Tarikh akhir mengambil dokumen sebut harga :
Rabu, 7 November 2018, jam 11.00 Pagi

Yuran sebut harga :
BND10.00 (tidak dikembalikan)

(2)
BILANGAN SEBUT HARGA :
19 / OKTOBER / 2018 / BKBN / 1.40 / 18

TAJUK SEBUT HARGA :
KONTRAK PENGGAL SATU (1) TAHUN
PENYEWAAN MESIN FOTOKOPI BAGI
PENGUNAAN IBU PEJABAT BAHAGIAN
KHIDMAT BAKTI NEGARA (BKBN),
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA
DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh tutup sebut harga :
Khamis, 8 November 2018
jam 2.00 Petang

Tarikh akhir mengambil dokumen sebut harga :
Rabu, 7 November 2018, jam 11.00 Pagi

Yuran sebut harga :
BND10.00 (tidak dikembalikan)

Penerangan lanjut boleh dirujuk ke :
Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN)
di talian +673 2340045
Ibu Pejabat BKBN
Blok 18, Simpang 32-15
Flat Anggrek Desa
Jalan Berakas, BB3713
Negara Brunei Darussalam.

1. SEBUT HARGA dibukakan kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Dokumen sebut harga boleh diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam semasa hari / waktu bekerja.
3. Penerangan lanjut boleh dirujuk ke Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN) semasa waktu bekerja di talian +673 2340045, bertempat di Ibu pejabat Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN), Blok 18, Simpang 32-15, Flat Anggrek Desa, Jalan Berakas, BB3713, Negara Brunei Darussalam.
4. Sebut Harga hendaklah dihidangkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan bilangan dan tajuk sebut harga serta tarikh tutup sebut harga tanpa menyatakan nama penender / syarikat dengan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.
5. Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga (berwarna hijau) yang disediakan di Tingkat 1, Ruang Masuk / Penyambut Tetamu, (depan kaunter sekuriti), Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam (Peti sebut harga berwarna hijau)

Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh daripada para pegawai seperti yang dinyatakan di atas.



**BAGI LEMBAGA PEMAJU PERUMAHAN,
BRUNEI DARUSSALAM**

HADIAH PEMENANG

1. Wang tunai sebanyak BND\$500.00
2. Sijil penghargaan

PENYERTAAN

Peraduan ini dibukakan kepada orang awam

TARIKH TUTUP DILANJUTKAN

5 November 2018
4.00 Petang

TERMA DAN SYARAT

Reka bentuk logo termasuk simbol dan warna hendaklah dilengkapi dengan penjelasan dan rasional.
Reka bentuk logo hendaklah karya asal peserta.
Lembaga tidak akan bertanggungjawab sekiranya ada tuntutan dari pihak ketiga kepada hak cipta logo.
Reka bentuk yang diterima adalah milik Lembaga dan Lembaga mempunyai hak untuk mengubah suai logo yang direka cipta oleh peserta.

APA YANG AWDA PERLU LAKUKAN?

Hantar reka bentuk awda dalam bentuk hardcopy (saiz A3) dan softcopy di dalam CD (jpeg/png dengan resolusi tinggi). Awda boleh menghantar tidak lebih tiga penyertaan. Setiap penyertaan mestilah disertakan dengan borang penyertaan yang lengkap diisi bersama hasil ciptaan

PENGHANTARAN BORANG & MAKLUMAT

Urusetia Lembaga Pemaju Perumahan
Divisyen Pengurusan Lembaga (BMD)
Tingkat Bawah, Aras Timur
Bangunan Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam
2382076/ 2383222 ext 179/ 175

Co-organized by





**JABATAN KAJI CUACA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi :
'TWO (2) YEARS TERM CONTRACT FOR CLEANING BRUNEI DARUSSALAM METEOROLOGICAL DEPARTMENT AT WEATHER SERVICE DIVISION (1ST FLOOR OF CIVIL AVIATION BUILDING) AND AT WEATHER OBSERVATION DIVISION'S BUILDING, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, BERAKAS, BRUNEI DARUSSALAM'.

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang ditutup rapi tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis dengan :

Sebut harga bagi perkhidmatan / perbekalan :

'TWO (2) YEARS TERM CONTRACT FOR CLEANING BRUNEI DARUSSALAM METEOROLOGICAL DEPARTMENT AT WEATHER SERVICE DIVISION (1ST FLOOR OF CIVIL AVIATION BUILDING) AND AT WEATHER OBSERVATION DIVISION'S BUILDING, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, BERAKAS, BRUNEI DARUSSALAM'

Bilangan Tawaran : **JKBD / 2018 / SH - 05**
Tarikh Tutup : **Rabu, 31 Oktober 2018**
sebelum jam 2.00 Petang.

Kepada :

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
Blok B23, Flat Anggerek Desa
Simpang 32-37
Kampung Anggerek Desa, BB3713
Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran hendaklah sampai kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga** yang beralamat di atas tidak lewat dari **jam 2.00 Petang, Rabu, 31 Oktober 2018.**

Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen tawaran boleh diperolehi semasa waktu-waktu bekerja dengan harga **BND5.00** senaskhah (tidak dikembalikan) dari :

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
Tingkat 1, Bahagian Kewangan
Blok B23, Flat Anggerek Desa
Simpang 32-37
Kampung Anggerek Desa, BB3713
Negara Brunei Darussalam.

Untuk keterangan lanjut bolehlah menghubungi Jabatan Kajicuaca di talian +673 2381342.

Para penender yang berhasrat mengikuti tawaran ini adalah disaran mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR
DALAM KELAS : II & III DI BAWAH KATEGORI : B01**

Tarikh Tutup :
Selasa, 30 Oktober 2018
jam 2.00 Petang

BILANGAN :
JKR / DBSIMU009 / 2018

Nama Projek :
PENYEWAAN SEGERA KHEMAH BAGI PERKAHWINAN DIRAJA
DI BAITUL ATHIRAH, KG. BERIBI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

No. Projek : JKR / DBS / IMU001 / 2018

YURAN TAWARAN : BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...") bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.



JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA

TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 59 / 2018

TAWARAN MEMBAIKPULIH KEROSAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN
DEWAN KEMASYARAKATAN RPN KAMPUNG LAMBAK KANAN II, MUKIM
BERAKAS 'B', NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 60 / 2018

TAWARAN MEMBAIKPULIH KEROSAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN
DEWAN KEMASYARAKATAN MUKIM SENGKURONG,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong yang berkebolehan dan mempunyai **sijil pendaftaran yang sah terutama kod kerja KA01 / B01 dan Sijil 'A' Pendaftaran Kementerian Pembangunan Kelas II.**

2. Dokumen tawaran boleh diperolehi di **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Baharu Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam** dengan bayaran **BND10.00 [Ringgit : Sepuluh sahaja]** secara tunai bagi setiap satu (1) dokumen tawaran dan pentadbiran [tidak dikembalikan].

3. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup (*sealed*) tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim diluar sampul surat itu kecuali ditulis dengan nama projek.

4. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran ke alamat seperti di bawah :

Peti Tawaran
Bahagian Kewangan Tingkat 1
Bangunan Baharu
Jabatan Daerah Brunei dan Muara
Lapangan Terbang Lama Berakas
Negara Brunei Darussalam.

TIDAK LEWAT SELASA,
30 OKTOBER 2018, JAM 2.00 PETANG

Para penender yang berhasrat mengikuti tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

Syarat-syarat tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa untuk
'THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, CONFIGURATION, TESTING & COMMISSIONING OF IP BASED AUDIO INTERCOM SYSTEM FOR BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT'

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup (*sealed*) tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, dengan ditulis dengan :

THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, CONFIGURATION, TESTING & COMMISSIONING OF IP BASED AUDIO INTERCOM SYSTEM FOR BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

Bilangan Sebut Harga :
ATELS / 2018 / SH-10
Tarikh Tutup : 31 Oktober 2018 (Rabu)
jam 2.00 Petang

Kepada :

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Perhubungan
Bandar Seri Begawan, BB2513
Negara Brunei Darussalam

3. Dokumen-dokumen bolehlah diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Negara Brunei Darussalam, iaitu semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Khamis dan Sabtu) dengan bayaran sebanyak **BND5.00 (tidak dikembalikan).**

5. Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan, Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Negara Brunei Darussalam.

Pegawai yang dihubungi :
Awang Muhammad Ruzaini bin Hj. Rosli
Telefon : +673 2330142
sambungan 1019 / 1740
Faksimile : +673 2333666



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar semasa berucap pada Majlis Perasmian Seminar Kebangsaan Pendidikan Sejarah Islam Tahun 1440H / 2018M.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Oktober. - Kefahaman yang mendalam terhadap Sejarah Islam itu amat penting dalam skop pendidikan kerana Sejarah Islam itu sendiri mempunyai ciri berbeza dengan sejarah lain, iaitu adanya ciri khas berupa wahyu Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu Al-Quran dan As-Sunnah.

Ciri khas ini dilihat memainkan peranan yang sangat penting dalam mengolah dan mencorak

perjalanan kehidupan umat manusia kerana di dalamnya terkandung segala pedoman, petunjuk dan pengajaran kepada para umat yang datang selepas itu dan merupakan cerminan dalam kita membina dan membentuk bangsa dan negara yang bertamadun.

Demikianlah yang digariskan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Seminar Kebangsaan Pendidikan Sejarah Islam Tahun 1440H / 2018M yang berlangsung di Dewan Tarbiyah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), di sini.

"Justeru, keutamaan dalam kita memberi sebaik kefahaman tentang Sejarah Islam dalam konteks membentuk umat manusia yang bertamadun adalah adanya kaedah yang lurus dan universal bagi pembinaan mental, pendewasaan generasi muda, pembentukan umat dan pembangunan peradaban dengan mengutamakan dasar-dasar kemuliaan dan keluhuran akhlak

menurut petunjuk Al-Quran," jelasnya.

Yang Mulia Pengiran Dato berpandangan bahawa penekanan terhadap keperluan memberi kefahaman mengenai Sejarah Islam itu berasaskan kepada ilmu dan fakta yang betul dalam pendidikan itu perlu diselarikan dengan kaedah pengajaran yang efektif serta bersesuaian dengan perkembangan semasa.

Dalam merealisasikan hasrat tersebut ujar Yang Mulia Pengiran Dato, keperluan pihak-pihak berkenaan, terutama Bahagian Kurikulum, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan bagi sama-sama duduk 'maliati' perkara tersebut.

"Dalam masa yang sama, hasil dan dapatan dari perbincangan-perbincangan di seminar ini akan dapat mencetuskan idea-idea baharu dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Sejarah Islam ini," katanya.

Menurutnya, sudah tiba masanya bagi kita *mentadabbur* Sejarah Islam itu kerana kitab suci

Pendidikan Sejarah Islam penyumbang pembangunan negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Oktober. - Sistem Pendidikan memainkan peranan penting dalam menyumbang pembangunan dan melestarikan ketamadunan bangsa sesebuah negara dengan mengambil kira kepentingan aspek mental fizikal, rohani dan spiritual.

Dalam hal ini, pendidikan Sejarah Islam juga tidak ketinggalan dalam menyumbang dan membangunkan negara melalui pemahaman sejarah dan asal-usul bangsa dalam membentuk ketamadunan negara.

Ini juga selari dengan hasrat Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) yang merupakan sistem pendidikan bersifat holistik.

Sehubungan itu, Seminar Kebangsaan Pendidikan Sejarah Islam Tahun 1440H / 2018M berlangsung di Dewan Tarbiyah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Majlis Perasmian Seminar disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar pada sebelah petang.

Majlis perasmian dimulakan

dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan diikuti dengan Nasyid Asma' Al-Husna serta Lagu Kebangsaan.

Acara diteruskan dengan Sesi Forum bertajuk 'Pelaksanaan pengajaran sejarah Islam di Institusi Pendidikan Negara Brunei Darussalam, Pemacu Masa Depan Gemilang' yang dibincangkan oleh Ahli-ahli Panel, iaitu Pemangku Timbalan Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha; Nazir Sekolah-sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Dayang Julianawati binti Haji Hamdan dan Timbalan Dekan Fakulti Tamadun dan Perkembangan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Muhammad Sahrin bin Haji Masri.

Moderator bagi Sesi Forum berkenaan, Dekan Fakulti Pendidikan KUPU SB, Profesor Madya Dr. Muhd. Zahiri Awang Mat.

Terdahulu, Sesi Seminar pada sebelah pagi dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan Nasyid Asma' Al-Husna dan Lagu Kebangsaan, diteruskan dengan empat pembentangan, iaitu

pembentangan pertama oleh Pemangku Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar dengan tajuk 'Latar Belakang Sejarah Islam dan Keberkesanan Pengajaran Sejarah Islam di Sekolah Menengah Negara Brunei Darussalam'.

Sementara pembentangan kedua disampaikan oleh Dekan Fakulti Usuluddin KUPU SB, Dr. Mikdar Rusdi dengan tajuk 'Konsep Persejarahan dalam Al-Quran'.

Pembentangan ketiga disampaikan oleh wakil dari Pusat Sejarah Brunei, Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad dengan tajuk 'Sejarah Islam di Brunei dan Hubungannya dengan Pendidikan di Brunei'.

Pembentangan terakhir disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Pendidikan, KUPU SB, Dr. Ismail Abbas dengan tajuk 'Kaedah Pengajaran Sejarah Islam Berkesan'.

Keperluan memahami sejarah Islam dan kaedah pengajaran yang efektif serta bersesuaian dengan perkembangan teknologi informasi dan komunikasi terkini amat penting bagi para pensyarah, pendidik dan pelajar.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Azmah Haji Ahad

Al-Quran yang menjadi panduan kepada kita umat Islam berulang kali menekankan para pembacanya untuk berfikir, mengambil faedah dan pelajaran daripada peristiwa-peristiwa yang berlaku pada zaman dahulu, iaitu peristiwa-peristiwa yang berlaku sebelum Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diutus menjadi Rasul dan sejarah juga perjalanan hidup Baginda.

Alhamdulillah tambahnya, kita di Negara Brunei Darussalam telah meletakkan mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam sebagai mata pelajaran teras dan para pelajar berpeluang untuk mempelajarinya dengan didedahkan secara teori juga praktikal.

Menerusi pembelajaran tersebut dan penerapan nilai juga akhlak yang baik itu, InsyaaAllah akan dapat melahirkan individu yang beriman dan bertakwa serta istiqamah dalam melakukan

kebaikan dan menjauhi perbuatan yang buruk.

Seminar ini adalah aktiviti ilmiah yang diungkayahkan bersama oleh Fakulti Pendidikan KUPU SB, merupakan platform ke arah membincangkan dan membahaskan mengenai sistem pendidikan Sejarah Islam dalam usaha kita untuk melestarikan ketamadunan bangsa dengan mengambil kira kepentingan aspek mental dan fizikal serta aspek jasmani dan rohani, iaitu spiritual.

Beliau percaya dan penuh yakin bahawa seminar tersebut dapat mencapai tujuan dan objektif penganjurannya dalam memperkasa kefahaman dan pendekatan serta mengenal pasti pedagogi yang berkesan dalam pengajaran pendidikan Sejarah Islam, iaitu selaras dengan tujuan dan objektif Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21), terutama dalam kalangan pelajar khususnya dan umat Islam amnya.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Seminar Kebangsaan Pendidikan Sejarah Islam Tahun 1440H / 2018M.

Peserta seminar akan mendapat manfaat secara teori dan amali dalam aspek Persejarahan Islam dan Pengajaran Sejarah Islam.

Ini amat penting bagi mereka yang bergelar warga pendidik dan pembimbing masyarakat serta mengambil iktibar daripada peristiwa dalam Sejarah Islam.

Seminar kebangsaan itu diadakan dengan kerjasama di antara Fakulti Pendidikan, Fakulti Usuluddin dan Pusat Sejarah Brunei.

Dengan tema 'Memartabatkan Pendidikan Sejarah Islam di Institusi Pendidikan Negara Brunei Darussalam', objektif seminar adalah bagi membincangkan mengenai konsep dan matlamat pendidikan sejarah Islam membahaskan mengenai

keutamaan dan kepentingan Pendidikan Sejarah Islam bagi pembangunan budaya dan tamadun Islam.

Seterusnya, bagi membincangkan polisi dan konteks pendidikan Sejarah Islam di Institusi Pengajian Tinggi Negara Brunei Darussalam, membahaskan pendekatan dan pedagogi berkesan dalam pengajaran pendidikan sejarah Islam, membincangkan isu-isu semasa dalam pendidikan Sejarah Islam di Institusi Pengajian Tinggi Negara Brunei Darussalam.

Seminar diharap dapat mengukuhkan jati diri masyarakat berasaskan pencapaian dan kejadian sejarah awal Islam terdahulu.

Para peserta seminar terdiri daripada pensyarah-pensyarah, kakitangan dari KUPU SB dan universiti-universiti tempatan, guru-guru sejarah dan Pengetahuan Ugama Islam, pelajar-pelajar KUPU SB, pegawai-pegawai kurikulum dari JPI dan Jabatan Sekolah-Sekolah, Jabatan Pembangunan Kurikulum.

SESI Forum Seminar Kebangsaan Pendidikan Sejarah Islam 2018 yang berlangsung di Dewan Tarbiyah, KUPU SB.





MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned hadir selaku tetamu kehormat ketika melancarkan buku-buku terbitan terbaharu Jabatan Mufti Kerajaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Oktober. - Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), hari ini melancarkan dua buah buku terbitan terbaharunya berjudul Wirid al-Latif dan Ke Arah Kesempurnaan Sembahyang di Ruang Legar Bangunan Darulifta, di sini.

Pelancaran buku-buku tersebut disempurnakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned selaku tetamu kehormat.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Mufti Kerajaan juga menyampaikan wakaf buku-buku

yang dilancarkan daripada kakitangan dan pegawai JMK kepada 12 wakil perpustakaan dan institusi pengajian tinggi terpilih.

Yang Berhormat Mufti Kerajaan dalam ucapannya berkata, buku-buku berkenaan menyangkut perkara ibadat yang sangat-sangat asasi untuk dihidangkan kepada masyarakat.

Dalam era globalisasi yang sangat mempersona kepada keduniaan ini, jelas Yang Berhormat, buku-buku tersebut menjadi lebih penting untuk dimiliki oleh setiap Muslim.

Menurut Yang Berhormat, Skim Wakaf Ilmu yang diwujudkan sejak tahun 2002 oleh JMK

JMK lancar dua buah buku terbitan terbaharu

bertujuan untuk memandu masyarakat Muslimin meraih pahala wakaf.

"Ahmdulillah, setakat ini skim wakaf kita ini mendapat sambutan sangat menggalakkan. Sejak ia diasaskan sehingga tahun 2017, pewakaf yang berwakaf adalah seramai 709 orang dengan kutipan harga buku-buku yang diwakafkan berjumlah BND89,319.70.

"Hasil wakaf tertinggi ialah pada tahun 2015 di mana seorang hamba Allah telah berwakaf sebanyak BND10,000 untuk membeli buku yang diwakafkan bagi perpustakaan awam, institusi pendidikan dan masjid, di dalam dan luar negeri," kata Yang Berhormat dalam ucapannya.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, buku terbitan Jabatan Mufti yang telah diwakafkan oleh pewakaf-pewakaf setakat ini telah turut menembusi luar negara termasuk United Kingdom, Korea Selatan, Kemboja, Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Pentadbiran JMK, Awang Haji Saiful Nizam bin Haji Sulaiman berkata, buku Ke Arah Kesempurnaan Sembahyang merupakan buku Ke-114 terbitan JMK.

Jelasnya, ianya adalah komplikasi atau himpunan siri bimbingan Irsyad Hukum dari tahun 1996 hingga 2016 iaitu berkisar mengenai pencerahan

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

persoalan-persoalan yang berkaitan dengan sembahyang.

"Sebanyak 39 tajuk perbincangan mengenai dihusaikan kepada nash-nash Al-Quran, hadith dan Qaul-Qaul Ulama Mu'tabar," katanya dalam ucapan alu-aluan.

Manakala tambahnya, buku Wirid Al-Latif pula adalah buku ke-115 terbitan JMK.

"Ianya himpunan wirid-wirid atau zikir-zikir yang disusun oleh al-Quthub al-Imam Barakah Al-Anam As-Sayyid 'Abdullah bin 'Alawi al-Haddad al-Husaini al-Hadhrami," katanya.

Beliau berkata, kedua-dua buku masing-masing mempunyai nilai keilmuannya yang tersendiri yang

mana ianya mengandungi bahan keilmuan yang amat bermanfaat untuk dikongsikan dan disebarluaskan kepada masyarakat Islam sama ada sebagai rujukan atau panduan.

Turut hadir, Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin serta pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan JMK.

Buku 'Wirid al-Latif' mengandungi 152 halaman dan dijual pada harga BND3.00 senaskhah.

Sementara itu, buku 'Ke Arah Kesempurnaan Sembahyang' yang mempunyai 365 halaman itu dijual pada harga BND8.00 senaskhah.

Kualiti pengurusan pentakmiran masjid ditingkatkan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUNGKU LINK, Khamis, 25 Oktober. - Konvensyen Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid (AJTM) Bagi Tahun 1440 Hijrah /2018 Masihi bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan kredibiliti ahli jawatankuasa tersebut dalam pengurusan pentakmiran masjid.

Konvensyen selama dua hari yang bermula 24 Oktober itu berakhir dengan Majlis Penutup Konvensyen tersebut yang dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof selaku tetamu kehormat di majlis yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam, di sini.

Menerusi konvensyen tersebut peserta dapat berkongsi maklumat daripada pengalaman pengurusan takmir masjid-masjid dari luar negara, khususnya dari negara-negara MABIMS.

Turut hadir, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan dari KHEU serta peserta konvensyen yang terdiri dari pegawai-pegawai masjid seluruh negara, AJTM, Muslimah dan Ketua Belia Masjid senegara.

Majlis didahului dengan ucapan alu-aluan dari Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri selaku Pengerusi Majlis, diikuti dengan pembacaan Resolusi Konvensyen oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Sham bin Haji Amin.

Antara yang terkandung dalam resolusi konvensyen tersebut ialah melibatkan semua golongan lapisan masyarakat dalam pelantikan AJTM, seperti golongan profesional, guru-guru agama, pesara, warga emas, belia, Muslimah, mualaf dan sebagainya yang merangkumi pelbagai latar belakang kerjaya dan peringkat umur, yang dapat memberi pandangan dari aspek yang berbeza dalam kehidupan dan memakmurkan masjid.

Pada majlis tersebut Resolusi Konvensyen kemudian diserahkan kepada tetamu kehormat.

Terdahulu, sebelum majlis penutup ini dijalankan, para peserta konvensyen telah mengikuti bengkel dan permuakarah dari Ketua-ketua Bahagian di Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU.

Tinjau prasarana Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam



ROMBONGAN Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa berada di Met Garden yang terletak di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas.

Oleh : Haji Ariffin bin Mohd. Noor / Morshidi
Foto : Ihsan Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Oktober. - Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Meteorological Department - BDMD), Kementerian Perhubungan menjadi tumpuan seramai sembilan orang Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam satu lawatan kerja yang bermula di Ibu Pejabat, Anggerek Desa, di sini.

Lawatan kerja tersebut bertujuan untuk melihat secara lebih dekat sistem-sistem cuaca yang terdapat di BDMD, sambil mengetahui lebih lanjut fungsi dan peranan jabatan dalam menyediakan khidmat dan maklumat cuaca sebagai persediaan kepada Sesi Muzakarah bersama Kementerian Perhubungan pada 26 November nanti.

Program lawatan dimulakan di Ibu Pejabat, Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam di Anggerek Desa, di mana rombongan telah dibawa melihat peralatan yang bertapak di Ibu Pejabat, Anggerek Desa, iaitu salah satu stesen yang digunakan dalam sistem pencerapan cuaca automatik negara.

Seterusnya rombongan Ahli-ahli MMN dibawa ke Pusat Ramalan Cuaca yang terletak di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi melihat proses dan kemudahan yang terlibat dalam penyediaan ramalan, nasihat dan amaran cuaca yang diberikan kepada pengguna-pengguna, seperti agensi-agensi kerajaan dan orang ramai. Pada kesempatan tersebut rombongan berpeluang melihat secara langsung tatacara data dan

maklumat cuaca dianalisa oleh Ahli Kajicuaca yang bertugas dalam penyediaan ramalan-ramalan cuaca.

Rombongan seterusnya dibawa melawat ke tapak Doppler Weather Surveillance Radar yang digunakan oleh Jabatan Kajicuaca dalam memantau kejadian, pergerakan dan evolusi sistem cuaca setempat.

Lawatan berakhir di kawasan Perindustrian Lambak Kanan bagi meninjau Stesen Pemantauan Angin yang juga digelar Low Level Wind Shear Alert System (LLWAS). Sistem LLWAS adalah sistem yang memberikan amaran angin ricih (*Wind Shear* yang merbahaya) kepada pesawat-pesawat terbang yang hendak mendarat atau berlepas dari Landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Semasa berada di kawasan tersebut rombongan turut berpeluang melihat menara yang dipasang dengan peralatan untuk mencerap maklumat angin.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof menyampaikan sijil kepada peserta konvensyen.

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dengan demikian, kita beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia serta di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua, negara kita menikmati kemakmuran dan kemajuan sehingga dengannya kerajaan dapat menyediakan pelbagai prasarana dan kemudahan untuk rakyat dan penduduk di negara ini seperti jalan-jalan raya, kemudahan penerbangan di udara dan kemudahan pengangkutan air.

Kemudahan pengangkutan air mengambil peranan yang sangat penting dalam perhubungan seperti kegunaan manusia bekerja, mencari rezeki, memperoleh ilmu pengetahuan, menjana aktiviti perekonomian dan sebagainya.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Isra', ayat 66 :

Tafsirnya : "Tuhan kamulah yang melayarkan untuk kamu kapal-kapal di laut supaya kamu dapat mencari sebahagian daripada limpah kurnia (rezeki). Sesungguhnya Dia Maha Pengasih kepada semua."

Dalam sama-sama menjaga keselamatan semua pengguna yang memanfaatkan pengangkutan air sebagai sumber rezeki dan aktiviti perekonomian, maka pelbagai usaha telah pun dijalankan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memastikan pengangkutan air dapat digunakan dengan selamat dan lancar. Di samping itu, peraturan-peraturan juga telah pun disediakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan dalam industri maritim untuk sama-sama menjamin keselamatan semua melalui pematuhannya supaya pengusaha, penumpang dan semua pengguna pengangkutan air selamat daripada sebarang perkara yang tidak diingini.

Perlu diingat, kecuaihan dan kelalaian serta keengganan untuk mematuhi peraturan ketika berada di perairan bukan hanya mengakibatkan kerosakan dan kerugian harta benda, tetapi juga akan melibatkan kecederaan dan kehilangan nyawa.

Para pengusaha pengangkutan air



disarankan untuk mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan seperti pelesenan dan pendaftaran serta memastikan penumpang-penumpang menggunakan jaket keselamatan pada setiap masa apabila berada di atas bot. Di samping itu juga, semua pengusaha dan penumpang pengangkutan air hendaklah mengamalkan dan membudayakan pembacaan doa bagi memohon rahmat dan kurnia pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Bagi pengemudi bot-bot adalah disarankan agar sentiasa memandu bot mereka mengikut had laju yang selamat dan sentiasa mematuhi peraturan dan pemakluman pihak-pihak berkuasa berkenaan dengan keadaan cuaca seperti keadaan ombak dan lain-lain pemakluman yang dikongsikan. Adalah menjadi tanggungjawab para pengusaha bot untuk saling menjaga kesejahteraan dan keselamatan penumpang-penumpang dan masyarakat di sekelilingnya.

Sebagai umat Islam, kita hendaklah sentiasa ingat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan berdoa memohon pertolongan kepada-Nya dan berzikir pada setiap masa, keadaan dan tempat. Ketika keluar rumah juga kita dianjurkan membaca doa-doa dan memohon perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala daripada sebarang bahaya dan kejahatan manusia, jin dan syaitan. Antara amalan-amalan Rasulullah Sallallahu

Amalkan penjagaan keselamatan

Alaihi Wasallam sebelum keluar rumah ialah membaca Surah Al-Fatihah, ayat Al-Kursi dan Surah Al-Quraisy. Baginda juga mengamalkan bacaan doa-doa keluar rumah, iaitu :

اللّٰهُ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللّٰهِ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا

Ertinya : "Dengan nama Allah aku bertawakal kepada-Nya dan tiada daya serta upaya kecuali dengan keizinan Allah."

Selain daripada doa-doa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, terdapat juga doa-doa yang dipanjatkan oleh Nabi Noh Alaihissalam ketika menaiki bahtera di laut.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Hud, ayat 41 :

Tafsirnya : "Dan Nabi Noh berkata (kepada pengikut-pengikutnya yang beriman) : Naiklah kamu sekalian ke dalamnya (bahtera) dengan menyebut nama Allah ketika belayar dan berlabuhnya, sesungguhnya Tuhanku adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih."

Ketika Nabi Noh Alaihissalam hendak turun dari bahteranya, Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan Baginda untuk berdoa memohon agar ditempatkan di tempat yang penuh berkat. Inilah doa-doa Nabi Noh Alaihissalam ketika hendak turun dari bahtera. Firman

Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al- Mu'minun, ayat 29 :

Tafsirnya : "Dan (ketika engkau turun dari bahtera itu) berdoalah : Ya Tuhanku tempatkanlah aku di tempat yang berkat dan Engkau adalah sebaik-baik pemberi tempat."

Akhirnya, sama-samalah kita amalkan sifat mengutamakan keselamatan serta sifat bersopan santun, hormat-menghormati dan berhati-hati ketika menaiki pengangkutan seperti bot atau perahu. Di samping itu, janganlah kita lupa kepada Allah Subhanahu Wata'ala pada setiap masa, tempat dan keadaan dengan mengamalkan bacaan doa-doa dan zikir.

Mudah-mudahan dengan usaha, ikhtiar yang sedemikian kita dihindari daripada perkara-perkara yang tidak diingini dan sentiasa berada dalam perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Yaa Rabbal Alamin.

Firman Allah dalam Surah Luqman, ayat 31 :

Tafsirnya : "Tidaklah engkau memerhatikan bahawa kapal-kapal (yang kamu gunakan sebagai pengangkutan) belayar di laut adalah dengan nikmat Allah untuk memperlihatkan kepada kamu sebahagian daripada tanda-tanda kekuasaan-Nya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi setiap orang yang penyabar lagi banyak bersyukur."

'PERLU diingat, kecuaihan dan kelalaian serta keengganan untuk mematuhi peraturan ketika berada di perairan bukan hanya mengakibatkan kerosakan dan kerugian harta benda, tetapi juga akan melibatkan kecederaan dan kehilangan nyawa.

Para pengusaha pengangkutan air disarankan untuk mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan seperti pelesenan dan pendaftaran serta memastikan penumpang-penumpang menggunakan jaket keselamatan pada setiap masa apabila berada di atas bot.'

72 peserta Kursus dan Bengkel Adat Istiadat terima sijil

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Oktober. - Seramai 72 peserta menerima masing-masing pada Majlis Penutup Kursus dan Bengkel Adat Istiadat, berlangsung di Dewan Persantapan Lapau, Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN), di ibu negara.

Kursus dan bengkel yang dianjurkan oleh Institut Perkhidmatan Awam (IPA) dan dikelolakan oleh JAIN tersebut diadakan selama tiga hari bermula 22 Oktober lalu dan disertai oleh pegawai-pegawai dan kakitangan di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil kepada 33 peserta lelaki ialah Pemangku Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Awang Razali bin Haji Badar.

Manakala Pengarah IPA, Dayang Hajah Norezan binti Haji Hambali pula menyampaikan sijil kepada 39 peserta perempuan.

Pemangku Yang Di-Pertua JAIN dalam ucapannya berkata, selaku bangsa yang berjiwa purih Brunei dan warga Perkhidmatan Awam yang menjadi orang depan bagi pihak Kerajaan Brunei, amatlah penting bagi mengungkapkan diri dengan pengetahuan Adat Istiadat KeBruneian yang sememangnya mendukung kepada falsafah kitani Melayu I slam Beraja (MIB).

"Adat Istiadat KeBruneian yang dimaksudkan merangkumi taat setia yang tinggi, tutur kata yang sopan, berakhlak mulia, hormat-menghormati, tingkah laku yang molek dan mempunyai adat resam yang tersendiri. Dengan cara demikian, kelangsungan MIB itu akan sentiasa terjaga dan terpelihara, malah dijadikan sebagai cerucuk pembinaan bangsa Brunei," katanya dalam ucapannya.

Dalam usaha mencapai Wawasan Brunei 2035 jelasnya, konsep MIB itu hendaklah

dijadikan tunjang kepada asuhan pemikiran dan pembentukan sikap kehidupan orang Brunei yang taat beragama, setia kepada raja serta rajin berusaha dengan meneliti semua sifat dan nilainya secara positif.

"Seyogia juga diingatkan bahawa penghayatan MIB itu haruslah disokong oleh semua pihak lapisan masyarakat di negara ini agar ia difahami dan dihayati dengan sebenar-benarnya sepertimana yang dihasratkan," katanya lagi.

Antara objektif kursus dan bengkel adat istiadat ini adalah untuk membudayakan Adat Istiadat Brunei pada seluruh lapisan masyarakat Melayu Brunei.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk memberikan pendedahan dan tunjuk ajar serta tatacara yang betul, termasuk dalam menggunakan Bahasa Dalam dan Terasul; dan memberi tunjuk ajar serta pengetahuan dalam membuat persediaan apabila mengendalik majlis-majlis, terutama melibatkan keberangkatan kerabat diraja. Sepanjang kursus berkenaan,



PEMANGKU Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Awang Razali bin Haji Badar menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta Kursus dan Bengkel Adat Istiadat di Dewan Persantapan Lapau, Jabatan Adat Istiadat Negara.

para peserta antara lain menghadiri ceramah-ceramah berkaitan dengan adat istiadat juga

mengadakan lawatan ke Bangunan Lapau dan Muzium Alat Kebesaran Diraja.

Jabatan Muzium terima sumbangan buku

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Oktober. - Kedutaan Kesultanan Oman di Negara Brunei Darussalam telah menyumbangkan 40 buku bertemakan Oman kepada Jabatan Muzium sebagai sebahagian daripada usaha untuk menyokong inisiatif untuk membina Koleksi Prestij Muzium di perpustakaan jabatan berkenaan.

Majlis Penyerahan Buku disampaikan oleh Mr. Moosa bin Said Al-Salti yang mewakili Kedutaan Kesultanan Oman kepada Ketua Pegawai Muzium, Dayang Hakimah Sufian berlangsung di Bangunan Arkib Negara, di sini.

Buku tersebut terdiri daripada penerbitan terkini mengenai topik sejarah, geografi, arkeologi, budaya, tradisi, warisan dan maritim Kesultanan Oman dalam bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

Mr. Moosa bin Said Al-Salti menyatakan harapan Kedutaan Kesultanan Oman melalui penyerahan buku-buku itu menjadi tambahan koleksi bahan yang berguna kepada sumber-sumber perpustakaan Jabatan Muzium, bagi memenuhi keperluan para penyelidik dan pelajar, pada masa yang sama menyumbang dalam meningkatkan pengetahuan masyarakat Brunei di Oman.

Menurut Mr. Moosa bin Al-Salti

lagi, penyerahan buku-buku itu juga sebagai usaha Kedutaan Kesultanan Oman bagi mempromosikan budaya Oman di Negara Brunei Darussalam, memandangkan adanya persamaan yang jelas antara kedua negara, di samping bagi mengukuhkan lagi hubungan antara Kesultanan Oman dan Negara Brunei Darussalam.

WAKIL Kedutaan Kesultanan Oman di negara ini, Mr. Moosa bin Said Al-Salti menyerahkan buku-buku sumbangan kedutaan tersebut kepada Ketua Pegawai Muzium, Dayang Hakimah Sufian.



40 kes kebakaran kereta dilaporkan Januari - September 2018



PENOLONG Pengarah Teknikal JBP, Pengiran Sabli bin Pengiran Haji Damit menjelaskan mengenai Saranan Kebakaran Kereta di Sidang Media yang berlangsung Bilik Mesyuarat, Dewan Serbaguna JBP, Berakas.

BERAKAS, Khamis, 25 Oktober.

- Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) dari bulan Januari hingga September 2018, sebanyak 40 kes kejadian kebakaran kereta dilaporkan dengan anggaran kerugian berjumlah BND212,850 di keempat-empat daerah.

Daripada jumlah itu, Daerah Brunei Muara menerima panggilan kebakaran kereta sebanyak 30 kes, manakala Daerah Belait dan Tutong masing-masing menerima laporan kebakaran kereta sebanyak tujuh dan tiga kes.

Penolong Pengarah Teknikal JBP, Pengiran Sabli bin Pengiran Haji Damit menjelaskan perkara tersebut pada sidang media mengenai Saranan Kebakaran Kereta yang berlangsung di Bilik Mesyuarat, Dewan Serbaguna JBP, Berakas, di sini.

Daripada jumlah kes tersebut, Penolong Pengarah Teknikal seterusnya menjelaskan sebanyak 23 kes adalah berpunca daripada kerosakan mekanikal, iaitu seperti kerosakan komponen mekanikal,

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

kebocoran hos minyak atau saluran di komponen kenderaan, penyambungan yang longgar (*loose connection*) dan kepanasan yang berlebihan (*over heat*).

Sementara kerosakan elektrik iaitu seperti kerosakan komponen sistem elektrik atau bahagian pendawaian sistem, litar pintas (*short circuit*) pendawaian sistem elektrik, penggunaan lebih beban (*overload*) sistem elektrik dan kurangnya pelaksanaan kerja pemeliharaan (*maintenance*) telah menjadi punca dalam sembilan kes kereta terbakar, jelas beliau lagi.

Sehubungan itu, beliau menyeru kepada para pengguna jalan raya untuk melengkapkan kenderaan dengan pemadam api mudah alih sekiranya berkemampuan, melaksanakan kerja pemeliharaan kenderaan (*preventive maintenance*), memastikan enjin kenderaan dalam keadaan selamat untuk digunakan serta melakukan pemeriksaan secara visual untuk sebarang tanda-tanda kebocoran.

Pegawai Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Darat, Awang Sheikh Yusri bin Sheikh Haji Md. Kadir dalam sidang media juga menasihatkan orang ramai supaya menghentikan sebarang pengubahsuaian terhadap bentuk asal kenderaan dan sistem pendawaian yang sembarangan tanpa mengikut spesifikasi asal kenderaan.

"Pemilik-pemilik kenderaan hendaklah tidak mendapatkan khidmat mana-mana mekanik yang tidak bertauliah untuk melakukan pengubahsuaian kenderaan dan sistem pendawaian kerana dikuatiri tahap keselamatannya tidak terjamin," tambah beliau lagi.

Sekiranya terjadi sebarang kebakaran di kenderaan, orang ramai adalah dinasihatkan untuk cuba memadamkan tanpa mengambil sebarang risiko peribadi dan terus menghubungi hotline 995 Bomba dan Penyelamat.

Program pembarigaan MKKJR sasarkan pelajar UTB

Dari muka 8

"Seperti sahaja awal pagi tadi Jawatankuasa MKKJR sempat mengadakan *simple-study* di kawasan masuk ke UTB dan telah mendapati sebanyak 48 pemandu itu sendiri tidak menggunakan tali pinggang keledar, 62 *front passengers* tidak memakai tali pinggang keledar, 41 *rear passengers* yang tidak menggunakan tali pinggang keledar, seluruh keluarga (dalam sebuah kereta) tidak memakai tali pinggang keledar adalah sebanyak 18 buah dan juga didapati sebuah kenderaan yang membawa penumpang anak kecil (dalam lingkungan di bawah umur 1 tahun) duduk di kerusi hadapan tanpa menggunakan tali pinggang keledar (hanya di pangkuan) dan tanpa menggunakan 'car-seat' yang betul," ujar Yang Berhormat.

Perkara ini, jelas Yang Berhormat, amat mengejutkan kerana walaupun ramai pengguna jalan raya tahu mengenai aturan keselamatan jalan raya terutama penggunaan tali pinggang keledar, namun masih juga terdapat sebahagian daripada mereka yang tidak mahu untuk mengenakan tali pinggang keledar semasa memandu atau semasa berada di

jalan raya dan keadaan ini amat membimbangkan.

"Dari itu, adalah tanggungjawab kita bersama untuk sama-sama saling ingat mengingatkan dari kalangan rakan-rakan, kawan-kawan dan *family members* untuk sentiasa menggunakan tali pinggang keledar semasa memandu, mahupun sebagai penumpang kenderaan," tambahnya.

Kempen Keselamatan Jalan Raya tersebut turut didukung oleh rakan-rakan strategik MKKJR, iaitu Brunei Shell Petroleum (BSP), Megamas Training Company, Automagination Services dan Maju Motors Sendirian Berhad.

Antara yang diketengahkan di Youth Outreach Program adalah aspek-aspek yang dapat memberikan gambaran secara dekat mengenai perkara-perkara yang dapat mempengaruhi pemanduan yang selamat menerusi aktiviti 'Seatbelt convincer' yang memberikan pengalaman secara serta merta mengenai risiko memakai dan tidak memakai tali pinggang keledar semasa memandu dan menjadi penumpang kenderaan.

Juga dipamerkan ialah *online simulator test* yang

memperlihatkan keberkesanan memandu semasa menggunakan telefon bimbit, dan *Vehicle Check Compliance* yang memperlihatkan piawaian dan kepentingan tempat duduk kanak-kanak dalam kenderaan.

Sementara GARDS pula adalah dari Brunei Shell Petroleum yang merupakan penilaian risiko jalan raya, dan In Vehicle Management System (IVMS) pula menggalakkan peningkatan dalam perlakuan baik memandu melalui petunjuk-petunjuk tertentu yang ditetapkan.

Juga mengambil tempat di jerayawara tersebut ialah mengenai Pengurusan Fatigue atau Kelelahan yang memberikan perkiraan tidur dan kesan kepada pemanduan.

Syarikat Megamas pula memamerkan paparan goggle mabuk yang menggambarkan efek atau kesan mabuk kepada pemanduan dan tips bagi pemanduan yang selamat.

Selain DUI (*Driving Under Influence*), juga dikongsikan mengenai *defensive driving*, tips serta kesedaran mengenai pemanduan dan gangguan semasa memandu.

Manakala, Autoimagination Services turut memaparkan



KEMPEN Keselamatan Jalan Raya yang dianjurkan oleh MKKJR berlangsung di Universiti Teknologi Brunei (UTB).

pameran mengenai kesedaran pemeriksaan tayar dan Pameran Maju Motor Sendirian Berhad pula memperlihatkan sistem NCAP dan *vehicle safety features* bagi kenderaan.

Bagi belia di institusi pengajian tinggi, program tersebut sesuai dengan tajuk forum dan pameran yang disampaikan untuk

diterapkan pada peringkat awal mengenai pengetahuan dan kesedaran mengenai pentingnya memandu dengan berhemah, berdisiplin, bertimbang rasa dan sentiasa berwaspada dan lebih berhati-hati serta sentiasa peka semasa berada di jalan raya kerana keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab semua.

Bantu makmurkan masjid dengan kegiatan keagamaan, kemasyarakatan

Dari muka 6

Undang-undang menetapkan kesalahan mempertikai dan mempersoal amalan atau upacara lazim berkaitan dengan agama Islam boleh dikenakan suatu denda tidak melebihi BND12,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Kita serius mengenai perkara ini dan kerana itulah Majlis Ugama Islam sangat berhati-hati dalam menimbangkan sebarang permohonan dari Jawatankuasa Takmir Masjid dan beberapa pihak yang lain dari pihak masjid, tetapi akan menggunakan masjid atau rumah-rumah persendirian untuk mendatangkan individu-individu tertentu sebagai tamu atau pengunjung sambil menyampaikan ceramah dan / atau memimpin acara keagamaan," tegas Yang Berhormat lagi.

Maka disarankan Jawatankuasa Takmir Masjid hendaklah juga berhati-hati pada memelihara masjid daripada disarungi atau disusupi oleh anasir-anasir yang sikap dan pembawaannya mempersoal dan mempertikai amalan juga upacara lazim keagamaan kita, terang Yang Berhormat lagi.

Diharapkan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, terutama sekali imam dan guru-guru ugama berperanan aktif jadi penyaring yang menapis kegiatan-kegiatan sedemikian dibawa-bawa ke masjid.

Namun, ini tidak bermaksud untuk mengekang kegiatan-kegiatan keagamaan untuk mentakmirkan masjid.

Sebaliknya ia bermaksud mengawal masjid untuk tidak disarungi, tidak disusupi oleh anasir-anasir yang membawakan sikap dan pandangan mempersoal

atau mempertikai amalan dan upacara keagamaan yang lazim, khasnya dengan membidaahkannya.

Ini kerana masjid mempunyai banyak kegiatan dan melibatkan orang ramai, khasnya penduduk perkampungan dan permukiman masjid, yang tentu sahaja tujuannya untuk kebaikan seperti halaqah pengajian ilmu-ilmu agama, kegiatan membaca dan mengkhatamkan bacaan 30 juzuk Al-Quran, keinginan sesetengah jemaah untuk menghalusi amal ibadatnya, terutama sembahyang dan yang ketara sekali ialah masjid lazimnya mengadakan sambutan hari-hari kebesaran Islam dan inisiatif-inisiatif kebajikan serta kemasyarakatan dengan menyantuni orang ramai yang memerlukan santunan bantuan yang selayaknya.

"Dari itu, semuanya itu hendaklah diteruskan dan ditingkatkan. Fikirkan dan ikhtiarkan penyelenggaraannya yang sempurna untuk mencapai sasarannya," ujar Yang Berhormat lagi.

Dalam pada itu, para guru dan pendakwah perlu sentiasa istiqamah pada landasan keagamaan negara dengan berpendirian teguh mempertahankan ajaran dan amalan-amalan yang lazim, yang mana masjid-masjid adalah medan pengembangan serta pengukuhan-nya.

Maka di situ pula Jawatankuasa Takmir perlu terus memainkan peranannya dengan rancangan-rancangan yang lebih tersusun dan ketara dilihat serta dirasakan oleh jemaahnya untuk dipercayakan memenuhi taklif penubuhan dan lantikan-lantikan ke dalamnya, tegas Yang Berhormat mengakhiri ucapannya.

11 kakitangan VAM®BRN berjaya berhenti merokok

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Oktober. - Seramai 11 orang kakitangan VAM®BRN Sendirian Berhad telah berjaya berhenti merokok setelah mengikuti Program Berhenti Merokok yang disokong bersama oleh Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Sehubungan itu, majlis penghargaan bagi pencapaian tersebut telah diadakan di premis VAM®BRN Sendirian Berhad di Salambigar Industrial Park.

Hadir bagi menyampaikan sijil penghargaan kepada para kakitangan yang terlibat, Pengarah Urusan VAM®BRN Sendirian Berhad, Tomoyuki Ohashi.

Seramai 18 kakitangan yang mengikuti program tetapi hanya 11 sahaja yang mampu berhenti merokok sepenuhnya.

Program dijalankan selama enam bulan, bermula sejak Mac lalu yang mana klien (perokok-perokok) akan diberikan kaunseling dalam tempoh tersebut oleh kaunselor terlatih.

Sesi pertama adalah sesi kaunseling secara berkumpulan diikuti dengan sesi kaunseling secara individu bagi sesi berikutnya sehinggalah tamat program.

Pada bulan pertama, kaunseling diberikan setiap minggu, kemudian setiap dua minggu pada bulan kedua dan ketiga manakala pada bulan seterusnya sebulan sekali, hingga bulan keenam.

Bagi membantu klien untuk berhenti merokok, Klinik Berhenti Merokok menggunakan farmakoterapi (ubat-ubatan) yang diberikan selama 10-12 minggu.

Dengan menggunakan farmakoterapi, ia boleh meningkatkan kadar kejayaan klien untuk berhenti merokok kerana ia boleh membantu klien mengurangkan rasa ketagihan untuk merokok dan mengurangkan



PENGARAH Urusan VAM®BRN Sdn. Bhd, Tomoyuki Ohashi semasa menyampaikan Anugerah Berhenti Merokok kepada salah seorang peserta yang terdiri daripada pekerja VAM®BRN Sdn. Bhd.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

gejala-gejala ketagihan (*withdrawal symptoms*).

Ada dua jenis farmakoterapi yang digunakan, iaitu Plaster Gantian Nikotin (Nicotine Replacement Therapy) dan Varenicline (Champix).

Sepanjang program itu dijalankan, kadar gas karbonmonoksida di dalam badan dan paru-paru klien akan dipantau dengan menggunakan *smokerlyzer* (*carbon monoxide breath analyzer*) bagi memantauan tersebut.

Dengan memantau tahap karbon monoksida di badan, ia boleh mendorong klien untuk terus berhenti merokok dan pada masa yang sama memantau kemajuan mereka semasa menjalankan program tersebut.

Menurut Awang Addy Yusra bin Arbi, salah seorang daripada yang berjaya berhenti merokok, sejak beliau mengikuti program tersebut,

cara kehidupan menjadi berubah ke arah yang lebih sihat dengan melakukan aktiviti-aktiviti sukan dan sebagainya.

"Sokongan dan dorongan daripada orang terdekat seperti keluarga juga perlu untuk kita terus memotivasi diri dan kuat hati agar berhenti merokok," katanya.

Bagi Dayang Noorizawati binti Haji Mohd. Roslan pula, ini adalah perjalanan baru bagi beliau untuk memulakan gaya hidup yang aktif dan sihat selain daripada dapat mengumpulkan wang yang biasanya dibelanjakan untuk membeli rokok.

Program Berhenti Merokok adalah merupakan inisiatif VAM®BRN Sendirian Berhad bagi memenuhi taraf Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar (HSSE) yang mana berhenti merokok adalah salah satu daripadanya.

Tip Pendidikan




Diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi, dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, katanya : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Barang siapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah akan mempermudah baginya suatu jalan menuju ke syurga."

- Tentukan tempoh waktu semasa mencuba menjawab kertas soalan.
- Berbincang dengan guru mengenai tempoh masa bagi menjawab soalan.
- Bahagikan masa dengan sebaik-baiknya.
- Pastikan diri dalam keadaan tenang supaya dapat melontarkan idea dengan jelas dan terang.
- Di hari peperiksaan, para pelajar hendaklah datang awal bagi memastikan kedudukan tempat duduk.
- Pastikan semua alat tulis telah lengkap termasuk membawa kad pengenalan diri ke dalam dewan.
- Sediakan alat tulis yang cukup.
- Ibu bapa doakan kejayaan anak-anak dan memberi sokongan moral.
- Pastikan mendapat rehat yang cukup sehari sebelum peperiksaan bagi memastikan para pelajar cergas.

SUMBER : KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Mata wang kripto tidak sah digunakan di Negara Brunei Darussalam



GAMBARAN nilai mata wang kripto dalam pasaran dunia.

Apa Dia Cryptocurrency?

CRYPTOCURRENCY ataupun mata wang kripto merupakan satu bentuk mata wang bersifat digital yang beroperasi secara bebas dan tidak dikawal oleh pihak monetari atau pusat bank. Oleh kerana mata wang kripto ini tidak di dalam kawalan monetari mahupun pusat bank dan dilakukan melalui platformnya yang tersendiri, segala urusan niaga yang menggunakan mata wang ini sukar untuk dikesan. Hal ini menimbulkan keraguan dan kesahihan mata wang tersebut.

Pada mulanya mata wang kripto digunakan sebagai wang atau token yang berbentuk elektronik di dalam permainan video. Populariti daripada trend wang atau token tersebut di dalam permainan video di rangkaian dalam talian menyebabkan kewujudan trend penukaran mata wang atau token tersebut kepada wang tunai.

AMBD Tidak Sahkan Mata Wang Kripto Di Negara Brunei Darussalam

Meskipun penggunaan Cryptocurrency ini memudahkan untuk membuat pembayaran ataupun penghantaran duit di serata dunia dengan cepat, kemudahan itu sendiri juga akan boleh mengakibatkan sesuatu masalah yang besar.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dalam siaran akhbar pada 22 Disember 2017 menyatakan mengenai isu mata wang kripto yang dikhuatiri memasuki pasaran di negara ini.

Dalam siaran akhbar tersebut ada dinyatakan bahawa mata wang kripto adalah mudah untuk disalahgunakan untuk aktiviti haram oleh individu ataupun kumpulan yang tidak bertanggungjawab bagi meraih keuntungan.

Mata wang kripto juga pada hakikatnya mudah terdedah dengan risiko keselamatan siber yang melibatkan sesebuah organisasi atau kumpulan penggodam yang berprofil tinggi

di rangkaian mata wang kripto, yang mana mereka menipu orang ramai dengan menyamar sebagai laman sesawang yang menggunakan perkhidmatan mata wang kripto yang terkenal.

Sementara itu, peningkatan drastik nilai Cryptocurrency dalam pasaran dunia pada kebelakangan ini menimbulkan spekulasi yang tinggi dan belum ada penjelasan mengenai asas nilai tersebut. Bahkan, risiko kehilangan nilai tersebut adalah juga tinggi dan oleh kerana mata wang kripto tidak dikawal selia dan tidak dilindungi di bawah undang-undang yang ditadbir oleh AMBD, segala kerugian yang bakal dialami dengan penggunaan mata wang kripto tersebut adalah risiko pengguna sendiri.

AMBD selaku agensi yang bertanggungjawab ke atas dasar-dasar monetari, pengawalseliaan institusi kewangan dan mata wang telah pun mengeluarkan kenyataan bahawa Cryptocurrency adalah tidak sah digunakan di Negara Brunei Darussalam pada 4 Rabiulakhir 1439 bersamaan 22 Disember 2017 yang lalu.

Orang ramai perlulah lebih berwaspada dan peka dengan risiko-risiko yang terdapat dengan penggunaan mata wang kripto yang semakin popular di arus globalisasi ini. Melihat trend mata wang kripto semakin popular sangat membimbangkan oleh kerana belum ada jaminan pertukaran wang melalui cara ini adalah bersih dari segi Islam.

AMBD akan terus memainkan peranan dalam melindungi kepentingan awam dan integriti sistem kewangan Negara Brunei Darussalam.

Fenomena Cryptocurrency

Wang digital seperti Bitcoin, Utokens, Ethereum adalah di antara Cryptocurrency yang semakin popular sekarang. Bitcoin merupakan mata wang kripto yang pertama dilancarkan pada tahun 2009 dengan cara melombong (*mining*) menggunakan

komputer tertentu.

Mata wang kripto ini menggunakan sebuah sistem yang dinamakan *blockchain* dan dikatakan sangat sukar untuk digodam. Sistem inilah yang meyakinkan bahawa mata wang kripto ini adalah selamat daripada penggodam yang mencuba untuk merompak.

Hasil kejayaan daripada Bitcoin telah menggalakkan lebih banyak penciptaan wang digital yang lain lagi seperti Ethereum dan Utokens yang juga menggunakan platform yang hampir sama.

Saranan

Orang ramai perlulah sentiasa berwaspada apabila menyertai apa sahaja sebarang pelaburan atau transaksi yang melibatkan kewangan lebih-lebih lagi berkaitan dengan Cryptocurrency. Dalam pada masa yang sama juga, orang ramai dinasihatkan agar tidak mudah terpedaya dengan apa-apa sahaja pelaburan atau iklan-iklan aktiviti memperoleh wang.

Sementara itu, bagi individu-individu atau syarikat-syarikat yang ingin menjalankan aktiviti komersial yang melibatkan dengan transaksi Cryptocurrency, perlulah berhati-hati dan mendapatkan nasihat undang-undang terlebih dahulu sama ada aktiviti yang dijalankan itu berada di dalam perundangan di bawah bidang kuasa AMBD atau tidak.

AMBD akan sentiasa memantau perkembangan Cryptocurrency dari semasa ke semasa bagi mengimbangi keperluan untuk memupuk inovasi dan keperluan untuk melindungi orang ramai. Dalam pada masa yang sama juga, sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan dan tidak diluluskan AMBD akan terus dipantau secara aktif. Orang awam bolehlah melayari laman sesawang AMBD di <http://www.ambd.gov.bn> bagi mengetahui mana-mana entiti atau syarikat yang diluluskan atau tidak diluluskan oleh AMBD.

Oleh : Muhammad Adi Wafiuddin Haji Roslinei,
Penempatan Mahasiswa dari Universiti Brunei Darussalam di
Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Muhammad Adi Wafiuddin Haji Roslinei,
Ihsan Autoriti Monetari Brunei Darussalam

NO	NAMA ENTITI/PRODUK YANG TIDAK DIBENARKAN	TARIKH DISENARAIKAN
1.	Academy Forex Basic Brunei	03-10-2017
2.	Amanah Rahman Feeds	30-07-2018
3.	AMN Simple Fx Signal/Premier Fx	03-10-2017
4.	Arba Emas Perak	19-12-2016
5.	Aviabitcoin	19-12-2016
6.	Big Data International Groups Asia (Bdig)	05-09-2018
7.	Binary 24 OPTIONS	19-12-2016
8.	Bitclub Network	14-12-2017
9.	Bitkingdom	19-12-2016
10.	Boss Venture Or Cash Deal Sdn Bhd	19-12-2016
11.	Brunei Loan Sdn Bhd / Trust Loan Financial Company	08-03-2018
12.	Buildrich Mining Group	19-12-2016
13.	Change Your Life (CYL)	03-07-2016
14.	Classic Worldwide International Group or Classic Worldwide Corporation (M) Sdn Bhd Program Arba	19-12-2016
15.	Coinspace	05-05-2017
16.	Demelza.bn	13-12-2017
17.	Dinar Dirham or Crypto Republic	19-12-2016
18.	EMGoldex or Emirates Gold Exchange	19-12-2016
19.	Ethtrade	11-07-2017
20.	eToro	31-10-2017
21.	FBS Brunei Forex	06-08-2018
22.	Financial.org	06-09-2017
23.	FOINS (Financial.org Blockchain Systems)	26-06-2018
24.	FxCitizen (BN FREEDOM FINANCIAL)	05-09-2018
25.	FXLifestyleClub	26-07-2017
26.	Galaxy Trio	19-12-2016
27.	Gainmax Capital Limited	28-05-2018
28.	GB Goldtraders	19-12-2016
29.	Global Intergold	30-05-2017
30.	Global Management Investment Capital	19-12-2016
31.	Global Member Investment Capital	19-12-2016
32.	Gold Rush	19-12-2016
33.	Golden Dreams Programmes	19-12-2016
34.	Hammers Credit	31-10-2017
35.	HongKong Sito Investment Limited	06-08-2018
36.	Hot Forex Brunei	30-07-2018
37.	Icitalife Company	19-12-2016
38.	Instaforex	19-12-2016
39.	iq option	19-12-2016
40.	Jari Emas Forex Signal	06-09-2017
41.	JJ Global Network	05-05-2017
42.	JJ Poor To Rich	05-05-2017
43.	JJPTR	05-05-2017
44.	Karatbars	19-12-2016
45.	LCFHC Cryptocurrency, China	26-07-2017
46.	Loan Express	13-12-2017
47.	Loan Islamic Brunei (The Sun Capital Sdn Bhd, Malaysia)	13-12-2017
48.	Makkah Islamic Hotel	07-02-2018
49.	MFace	19-12-2016
50.	Mon Space	19-12-2016
51.	MX3 or MX3 World Wide	19-12-2016
52.	Nurul Loan Barang	19-12-2016
53.	OATG Traders (Organisation of Abandoned Talented Generation)	30-07-2018
54.	Parrega Investment Group	19-12-2016
55.	Phytoscience or Phytotech or Program Usahawan	19-12-2016
56.	Power Gold or Amethyst Gold Creation Sdn Bhd	19-12-2016
57.	Questra World / Questra Holdings	26-07-2017
58.	Rashwealth Group	19-12-2016
59.	Swisscoin (Euro Solution GmbH)	31-10-2017
60.	Muhammad Rasyid bin Masran (Nationality: Malaysia) (Passport No: A38896226)	05-05-2017
61.	Rich World Revolution (RWR)	19-12-2016
62.	Richway Global Venture	03-07-2016
63.	SRDC Worldwide	19-12-2016
64.	Stable Vest Forex Management Limited	19-12-2016
65.	Tifia Markets Limited	30-07-2018
66.	Trade12	05-05-2017
67.	UFUN or UFUNCLUB	19-12-2016
68.	UNASCOS	19-12-2016
69.	Unico Network	19-12-2016
70.	United Formula Company	10-01-2018
71.	Virgin Gold Mining Corporation (VGMC)	19-12-2016
72.	Water Beaute World Bhd	08-03-2018
73.	World Ventures	19-12-2016
74.	XM Group (Forex XM)	13-12-2017
75.	Yun Shu Mau	05-05-2017
76.	Zenith Gold or Zenith Gold International Limited (ZGI)	19-12-2016

SENARAI individu atau syarikat yang termasuk di dalam AMBD Alert List.



Apa Pendapat Biskita?

Budaya lepak kalangan remaja, impaknya?

BUDAYA lepak memberi kesan yang buruk kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan juga negara. Sebagai contohnya, remaja akan kurang kemahiran dan mempunyai taraf pendidikan yang rendah. Mereka juga banyak menimbulkan masalah dan menjadi beban kepada ibu bapa dan masyarakat.

Selain itu, banyak remaja kini tidak menghormati orang-orang tua kerana mereka terpengaruh dengan budaya lepak. Mereka lebih gemar menggunakan kata-kata yang kasar dan kesat yang akan menyakitkan hati orang tua tersebut. Akibatnya, banyak remaja kini sudah tidak mengenal nilai-nilai murni yang terdapat dalam budaya tempatan. Masalah remaja melepak juga boleh merosakkan akhlak dan kehidupan remaja, di mana ia akan menyebabkan nilai hidup remaja menurun. Budaya lepak yang diamalkan oleh remaja kita juga bertentangan dengan budaya masyarakat negara kita. Dari segi pergaulan, budaya Timur atau budaya tempatan mengahadkan pergaulan di antara lelaki dan perempuan. Pendek kata tidak ada pergaulan bebas yang dibenarkan dalam budaya tempatan untuk mengelakkan perkara-perkara sumbang daripada berlaku dalam masyarakat.

Isu lepak semakin kerap diperkatakan sekarang. Tingkah laku remaja yang suka menghabiskan masa lapang di tempat awam seperti kompleks membeli belah, perhentian pengangkutan awam dan tempat tumpuan orang ramai dikenali sebagai aktiviti lepak. Masalah ini telah menjadi satu budaya kepada golongan remaja khususnya. Budaya ini semakin memperlihatkan remaja masa kini yang tidak menyedari yang mereka adalah pewaris masa hadapan bagi menjayakan Wawasan Negara. Sekarang di zaman langit terbuka dengan kecanggihan teknologi maklumat atau kemajuan media massa kini, di mana berbagai bentuk maklumat dapat diterima terus oleh remaja tanpa tapisan. Hasilnya remaja lebih terpengaruh kepada media massa berbanding didikan ibu bapa atau pendidikan sekolah.

"Antara punca-punca remaja melepak ialah disebabkan longgarnya sistem kekeluargaan. Mungkin antara sebab mengapa remaja-remaja sekarang begitu cenderung melakukan aktiviti lepak disebabkan oleh ibu bapa yang tidak prihatin terhadap anak-anak mereka. Akibatnya, tiada wujud keharmonian di dalam keluarga sehingga anak-anak dibiarkan bergaul bebas tanpa kawalan. Bagi saya peranan ibu bapa amat diperlukan dalam menangani masalah lepak dalam kalangan remaja masa kini dan saya sendiri sebagai pemimpin keluarga ibu bapa seharusnya peka dengan kehendak remaja. Mereka perlu mengenal pasti tuntutan-tuntutan remaja supaya setiap masalah yang dihadapi dapat dibendung dengan lebih berkesan." - **Puan Hajah Saimah Lambak.**

"Melepek bukanlah perkara yang baharu dan bukan hanya berlaku di negara kita Brunei Darussalam bahkan juga di negara-negara lainnya. di peringkat remaja merupakan peringkat peralihan dari zaman kanak-kanak ke zaman dewasa. Tambahan pula di usia beginilah remaja sering memberontak dan mencari-cari identiti sendiri. Melakukan sesuatu yang dilarang dianggap satu cabaran yang perlu disahut. Terkadang setiap perbuatan adalah ikutan rakan-rakan dan hinggalah terkadang membakar hati muda yang mendorong remaja menyertai bersama-sama 'geng lepak'. Sekarang ini contohnya sering kita saksikan perbuatan para pelajar sekolah duduk bersenang-senang dan berbual-bual kosong tanpa tujuan di pusat membeli belah dan di tempat tertentu atau duduk seorang diri tanpa membuat apa-apa pun.

"Bagi pendapat saya jika masalah tingkah laku dalam kalangan remaja yang sering melakukan aktiviti lepak tanpa tujuan dan manfaat ini tidak diambil perhatian berat ia akan membimbangkan dan akan menjadi kritikal jika tidak dibendung dari awal. Oleh itu, ibu bapa dan masyarakat perlu prihatin dan peka terhadap isu ini. Jika ia dibiarkan dan tidak ditangani segera maka golongan remaja tidak akan dapat memainkan peranan mereka untuk memajukan negara dan bangsa." - **Hafiz Rimba.**

"Pendapat saya dengan adanya keprihatinan dari ibu bapa dan masyarakat serta pihak-pihak tertentu pasti ia dapat membentuk keperibadian remaja selaras dengan kehendak agama dan aspirasi negara. Di samping itu juga, pihak tertentu diharap dapat berganding tenaga dalam menangani masalah ini kerana kita inginkan sebuah negara yang maju dengan golongan generasi mudanya yang berakhlak mulia." - **Mahasiswa UBD.**

"Kegiatan masa lapang remaja mestilah dipenuhi dengan aktiviti yang berfaedah supaya remaja tidak mudah berasa bosan. Kegiatan masa lapang tersebut mestilah sesuai dengan usia remaja. Dengan ini pemikiran remaja akan menjadi lebih matang dan bertanggungjawab seperti cara kehidupan seorang dewasa. Dengan itu kegiatan masa lapang memainkan peranan yang penting agar remaja tidak terjebak ke arah kegiatan yang tidak sihat. Remaja yang selalu bergaul dengan masyarakat, akan menjadikan diri mereka lebih bertanggungjawab. Tanggungjawab yang dimaksudkan seperti menghormati hak individu, masyarakat, negara, berlaku adil dan bertingkah laku baik." - **Pg. Ibrahim BSB.**

"Saya berpendapat dalam menangani masalah remaja memerlukan kebijaksanaan dan rasional seseorang. Institusi keluarga mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing kerana bermula daripada institusi keluarga, segala masalah sosial dalam masyarakat dapat dibendung. Selain daripada itu, masalah sosial juga dapat dibendung melalui kasih sayang yang disertai dengan unsur-unsur lain yang membantu. Sememangnya terbukti hanya ibu bapa sahajalah sebagai individu yang paling hampir dapat menangani masalah anak-anak mereka. Selain daripada itu, pada pendapat saya juga, rakan sebaya turut sama memberikan pendidikan tidak formal kepada remaja ini kerana kebiasannya remaja akan mengikuti apa yang dibuat oleh rakan mereka tingkah laku yang dipelajari daripada rakan-rakan sebaya samada berunsur positif atau negatif secara tidak langsung boleh menyebabkan remaja cenderung kepada sikap tersebut." - **Heifa Hilmy Muara.**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

i. Makanan segera : kebaikan atau keburukan
ii. Tempat-tempat menarik di Negara Brunei Darussalam

Lima pelajar sertai Sidang Kemuncak Hari Kesedaran Tsunami Sedunia



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato memberikan kata-kata semangat dan nasihat kepada rombongan peserta dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah yang terpilih untuk menyertai Sidang Kemuncak Pelajar Sekolah Menengah Hari Kesedaran Tsunami Sedunia 2018 yang akan diadakan di Wilayah Wakayama, Jepun.

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Oktober. - Bagi mempertingkatkan lagi kefahaman dan kesedaran tentang ancaman Tsunami serta tindakan pencegahannya sebagai Duta Belia dari Negara Brunei Darussalam, lima pelajar dan seorang guru dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah terpilih untuk menyertai Sidang Kemuncak Pelajar Sekolah Menengah Hari Kesedaran Tsunami Sedunia 2018 yang akan diadakan di Wilayah Wakayama, Jepun.

Rombongan peserta akan menyertai Sidang Kemuncak yang akan diadakan bermula 31 Oktober hingga 1 November 2018.

Sehubungan itu, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato mengambil kesempatan ini untuk memberikan kata-kata semangat dan nasihat kepada rombongan peserta serta bertukar-tukar pandangan dan perkongsian berhubung di Kedutaan Jepun di Brunei Darussalam, Kampung Kiulap.

Para peserta akan berada di

Jepun bermula 27 Oktober hingga 2 November 2018 untuk mengetahui tentang langkah dan pengetahuan dalam melindungi kehidupan masyarakat daripada bencana melalui pelbagai aktiviti termasuk keterlibatan mereka dalam Sidang Kemuncak tersebut.

Dayangku Noor Amal Shahirah Hazerah binti Pengiran A'malluddin Shah yang merupakan salah seorang peserta ketika ditemu bual berkata, mereka membuat persediaan melalui penyediaan kaji selidik yang telah dibuat dan kemudian dijadikan slides untuk dibentangkan apabila berada di sana nanti.

Selain menghadiri Sidang Kemuncak katanya, mereka juga akan membuat persembahan tarian kebudayaan dan pelbagai aktiviti termasuk Local Fire Festival dan mengadakan lawatan sambil belajar di Wilayah Wakayama.

Beliau berharap dengan penyertaan mereka ke Sidang Kemuncak itu akan memberi peluang kepada mereka mengongsikan kepada yang lain mengenai langkah dan persediaan

dalam menghadapi bencana alam seperti tsunami dan sebagainya serta sebarang cadangan pembaharuan pada masa hadapan.

Sidang Kemuncak tersebut telah dilancarkan dan berjaya diadakan di Kochi Prefecture pada Tahun 2016 dan di Okinawa Prefecture pada Tahun 2017 di Jepun dengan tujuan bagi meningkatkan pengetahuan pemimpin masa depan agar dapat melindungi nyawa dan harta benda dari bencana alam seperti Gempa Bumi dan Tsunami.

Melalui hasil kejayaan yang telah dicapai pada tahun-tahun sebelumnya, Sidang Kemuncak tahun ini menjemput kira-kira 450 pelajar sekolah menengah dari Jepun, dan 48 negara lain di seluruh dunia termasuk Negara Brunei Darussalam akan ikut serta.

Sidang Kemuncak itu dianjurkan oleh Wakayama Prefectural Government, Wakayama Prefectural Board of Education, Hirogawa Town and Hirogawa Town Board of Education dan dianjurkan bersama the United Nations Office for Disaster Risk Reduction (UNISDR) Office in Japan dengan sokongan dari pelbagai organisasi.



Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui :
pelita.brunei@information.gov.bn
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang sagu hati BND50.00.

Tajuk-tajuk akan datang :

- 1) 'Hari Guru' - Tarikh Tutup : 27 Oktober 2018
- 2) 'Konvokesyen' - Tarikh Tutup : 10 November 2018
- 3) 'Makanan' - Tarikh Tutup : 24 November 2018

Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.



Sukan

INFO SUKAN

PADA perlawanan akhir Kejohanan Badminton sempena Hari Guru Ke-28 Tahun 2018, pasukan gabungan Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan (JPPP) / Jabatan Perkembangan Kurikulum (JPK) / Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) / Bahagian Biasiswa juara bagi Kategori Berpasukan Lelaki manakala bagi Kategori Berpasukan Wanita pula dijuarai oleh Pasukan gabungan Kluster 2.



ePaper Pelita Brunei

Sertai Kejohanan Boling Sepuluh Pin, Sarawak



PENGERUSI Lembaga Bandaran, Awang Haji Ali bin Matyassin selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian bendera dan jersi rasmi Kontinjen BSB kepada para peserta yang diadakan di Bilik Syura Johan Pahlawan, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Bandaran (kiri dan kanan).



Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian bendera dan jersi rasmi tersebut ialah Pengerusi Lembaga Bandaran, Awang Haji Ali bin Matyassin.

Majlis diisikan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Lembaga Bandaran yang antara lain memberikan kata-kata semangat bagi kontinjen negara, selain menasihatkan para kontinjen untuk menjaga nama baik Negara Brunei Darussalam.

Acara juga diselenggarakan dengan Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan kepada iBowl Utama Bowling yang diwakili oleh Pengiran Rudy Sofi bin Pengiran Haji Tajudin, diikuti dengan sesi bergambar ramai.

Juga hadir ialah Yang Di-Pertua Kongres Boling Tenpin Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Badee' bin Pengiran Kerma Raja Pengiran Haji Kamarulzaman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Oktober. - Persatuan Boling Amat Sarawak akan mengadakan Kejohanan Boling Sepuluh Pin Antara Bandar-Bandar Asia Ke-32, bertempat di Pusat Boling Megalanes

Sarawak pada 29 Oktober hingga 5 November ini.

Pertandingan yang dipersetujui (*sanctioned*) oleh Persekutuan Boling Asia dan Kongres Boling Tempin Malaysia tersebut akan disertai oleh kontinjen

negara daripada Persatuan Sepuluh Pin Boling Brunei Muara bagi mewakili Bandar Seri Begawan (BSB) secara rasmi.

Sehubungan itu, sebagai hasrat Jabatan Bandaran, BSB untuk

menyokong penyertaan tersebut, Majlis Penyampaian Bendera dan Jersi Rasmi Kontinjen BSB diadakan bertempat di Bilik Syura Johan Pahlawan, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Bandaran, di sini.

Kejohanan Golf Profesional ADT tawarkan hadiah USD75,000



TOUR and Player Affair Manager dari Asian Tour, Unho Park (kiri), Pengerusi Ahli Jawatankuasa Penganjur ADT, Awang Haji Junaidi bin POKDG Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman (tengah) dan The Empire Director of Golf and Leisure, Stan Everitt (kanan) pada Sidang Media Kejohanan Golf Profesional ADT di Member's Grill, The Empire Golf & Country Club.

JERUDONG, Jumaat, 26 Oktober. - Kejohanan Golf Profesional merupakan acara sulung Asian Development Tour (ADT) yang akan diadakan pada 24 - 27 April 2019 di The Empire Golf & Country Club dengan menawarkan hadiah rebutan sebanyak USD75,000 untuk dimenangi.

Perkara tersebut dinyatakan oleh The Empire Director of Golf and

Leisure, Stan Everitt pada Sidang Media Kejohanan Golf Profesional ADT yang berlangsung di Member's Grill, The Empire Golf & Country Club, di sini.

Dalam pada itu beliau melahirkan penghargaan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan beberapa agensi-agensi kerajaan lain seperti Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP),

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Kementerian Kesihatan dan SPS Innovative Enterprise dalam membantu mengembangkan permainan Golf di negara ini dan di seluruh rantau ini.

Penajaan yang sangat menggalakkan itu katanya, dapat memberi sokongan kepada Golf profesional di rantau ini.

Kejohanan akan disertai oleh

Tahukah Awda

CENDERA Lambang Kenangan adalah sebuah gerbang yang dibina khas dengan ketinggian 10 meter, yang direka khas bagi Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Penukaran Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan. Ia terletak di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Pembinaan Cendera Lambang Kenangan menelan belanja lebih BND60,000.00 dan ia disumbangkan oleh Syarikat Brunei Shell. Sementara itu, reka bentuknya pula adalah ihsan daripada Arkitek Idris dan jurutera tempatan.

Cendera Lambang Kenangan yang tersergam indah ini terukir dengan perkataan Bandar Seri Begawan 1970 - 1995. Pembinaannya dihasratkan untuk membangun dan mengindahkan serta mencantikkan lagi Bandar Seri Begawan. Struktur lambang ini memperkenalkan satu elemen struktur taman tiga dimensi.

SUMBER : Laman sesawang Pusat Sejarah Brunei <http://www.pusat-sejarah.gov.bn>

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

para peserta terdiri daripada para pemain Golf antarabangsa dan terkenal di rantau ini.

Antara yang hadir pada sidang berkenaan ialah Pengerusi Ahli Jawatankuasa Penganjur ADT, Awang Haji Junaidi bin POKDG Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman dan Tour and Player Affair Manager dari Asian Tour,

Unho Park.

Bagi keterangan lanjut mengenai kejohanan ADT tersebut, orang ramai boleh menghantar e-mel ke thebrunei-adtchampionships@gmail.com.

ADT dilancarkan pada tahun 2010 dengan matlamat mewujudkan landasan kerjaya untuk pemain Golf profesional di rantau Asia.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTIASA GUNAKAN TALI PINGGANG KELEDAR SEMASA MEMANDU, MENUMPANG KENDERAAN

دربیتکن اوله جباتن فترامن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam